Iman & Manusia

Keindahan Iman
Kebahagiaan & Kesengsaraan Manusia

© PERSATUAN KEBUDAYAAN MALAYSIA TURKI
MALAYSIA TURKEY CULTURAL ASSOCIATION (MTCA)

Tajuk	Iman & Manusia
ISBN	978-967-11140-7-0
Karangan	Badiuzzaman Said Nursi
Penterjemah	Normelisa binti Mohd Yadi
Senarai Penyunting	Khairul Anuar bin Mohd Nayan
Cetakan Pertama	2024

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar, menyimpan atau menyebarkan mana-mana bahagian isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan apa-apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada pemegang hak cipta.

Published in Malaysia by:
Persatuan Kebudayaan Malaysia-Turki Kuala Lumpur Dan Selangor
Malaysian - Turkish Cultural Association Kuala Lumpur And Selangor
A-8-4, Idaman Putera Condominium, jalan Jernai, 53100
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Contact: 0176626110
aydogan6366@gmail.com

Alamat Cetakan di Malaysia: Kencana Sdn. Bhd. No.7, Jalan Lengkongan Brunei, Jalan Pudu, 55100. Kuala Lumpur, Malaysia

Iman & Manusia

Keindahan Iman
Kebahagiaan & Kesengsaraan Manusia

BADIUZZAMAN SAID NURSI

Penterjemah:

Normelisa binti Mohd Yadi

MTCA

Isi Kandungan

PRAKATA 6

RIWAYAT HIDUP RINGKAS BADIUZZAMAN SAID NURSI ...8

KALIMAH KEDUA PULUH TIGA: IMAN DAN MANUSIA.....14

BAB PERTAMA: Hakikat Iman 15

Noktah Pertama: Iman dan Kufur: Penentu Nilai Hakiki Manusia..15

Noktah Kedua: Iman: Cahaya yang Menerangi Kehidupan Dunia dan Akhirat 17

Noktah Ketiga: Tawakal: Kunci kepada Kebahagiaan Dunia dan Akhirat.....22

Noktah Keempat: Doa: Kekuatan Melalui Penzahiran Kelemahan dan Kefakiran.....25

Noktah Kelima: Hakikat Doa: Sumber Ubudiyyah dan Kekuatan.....28

BAB KEDUA: Ujian Penentu Kebahagiaan atau Kesengsaraan..34

Noktah Pertama: Kekuatan dan Kelemahan Manusia: Antara Ketergantungan dan Keunggulan 34

Noktah Kedua: Dua Aspek Kehidupan Manusia dan Hakikat Kemajuan Sejati.....39

Noktah Ketiga: Mengurus Modal Kehidupan Menuju Kejayaan Abadi 45

Noktah Keempat: Kelemahan Manusia: Sumber Kekuatan Hakiki.....53

Noktah Kelima: Tugas Manusia sebagai Hamba dan Khalifah Allah..56

SURAT KEDUA PULUH: Tauhid & Tasbih 64
Mukadimah 65
Maqam Pertama 67
Perkataan Pertama: لا إلــهَ إلَّا الله (Tiada Tuhan melainkan Allah).....67
Perkataan Kedua: وَحـدَه (Maha Esa) 68
Perkataan Ketiga: لا شَـريكَ لـه (Tidak ada sekutu bagi-Nya) 69
Perkataan Keempat: لــه المُلـكُ (Semua milik adalah hak-Nya) 70
Perkataa Kelima: ولـه الحَمـدُ (Segala puji-pujian hanya untuk-Nya) 72
Perkataan Keenam: يُحيــي (Dia menghidupkan) 73
Perkataan Ketujuh: ويُميـتُ (Dia yang mematikan) 74
Perkataan kelapan: وهـو حَـيٌّ لا يَمـوتُ (Dia hidup dan tidak akan mati).....75
Perkataan Kesembilan: بيَدِه الخَيرُ (Semua kebaikan ada di tangan-Nya) ...76
Perkataan Kesepuluh: وهـو علــى كُلِّ شَــيءٍ قَديـرٌ (Dia berkuasa terhadap semua perkara) 77
Perkataan Kesebelas: وَإلَيْهِ الْمَصِيرُ (Kepada-Nya kita akan kembali) 80

PRAKATA

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيمِ

اَلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ العَالَمِينَ وَالصَّلاَةُ وَالسَّلاَمُ عَلَى أَشْرَفِ الأَنْبِيَاءِ وَالمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan taufik dan inayat-Nya penterjemahan dan penyuntingan Risalah Iman dan Manusia telah selesai dibuat. Saya merakamkan penghargaan kepada semua yang terlibat termasuk penterjemah dan penyunting yang telah mengorbankan masa dan tenaga mereka.

Badiuzzaman Said Nursi (1887-1960) ialah seorang ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah yang melalui kehidupan di zaman akhir pemerintahan Khalifah Uthmaniyah dan di awal pemerintahan sekular kerajaan Republik Turkiye. Ulama yang tersohor ini berusaha membangunkan kembali masyarakat Islam Turkiye yang ketika itu telah tenggelam dalam pelbagai masalah keimanan dan duniawi hasil daripada kelemahan dan kejatuhan khalifah. Beliau mengambil pendekatan ajaran tasawuf yang diasaskan melalui tulisan khazanah Risalah al-Nur yang mempunyai pendekatan yang menyinari akal serta memujuk jiwa dan roh para pembaca. Buku ini adalah sebahagian daripada koleksi bab-bab kecil yang disusun semula oleh Ustaz Badiuzzaman Said Nursi. Buku ini memberikan panduan untuk memahami hakikat iman

melalui cahayanya dalam membantu seseorang mengenal dirinya dalam hubungannya dengan Tuhan ketika menghadapi cabaran kehidupan di dunia ini. la akan memberikan kekuatan serta membawanya kepada kejayaan di dunia yang fana dan kejayaan abadi di akhirat.

Semoga segala usaha murni seperti ini dapat diteruskan dan dimanfaatkan oleh masyarakat serta mendapat keredaan Allah SWT.

Datuk Haji Wan Zahidi Wan Teh
Mufti Negeri Perak

RIWAYAT HIDUP RINGKAS BADIUZZAMAN SAID NURSI

Badiuzzaman Said Nursi dilahirkan pada tahun 1877 di sebuah kampung yang bernama Nurs, terletak di Timur Anatolia, Turki. Perkataan Nursi diambil bersempena dengan nama kampungnya ini. Beliau menerima pendidikan awal dalam pelbagai bidang ilmu agama dan sains daripada beberapa orang ulama terkenal di sekitar daerahnya dan di beberapa daerah lain di Turki. Ketika masih muda, beliau telah menunjukkan kepandaian dan kemahiran yang luar biasa dalam pelajarannya. Hal ini membuatkan beliau terkenal bukan sahaja dalam kalangan guru-guru dan rakan-rakannya bahkan juga dalam kalangan orang ramai. Dalam masa yang singkat, beliau mampu mendalami ilmu tafsir, hadis, fiqh, mantik dan sains moden. Beliau juga berjaya menghafal lebih kurang 90 jilid kitab yang muktabar. Sewaktu berusia 16 tahun, beliau telah mengalahkan beberapa orang ulama terkemuka yang telah menjemputnya ke beberapa majlis perbahasan. Pada ketika itu, perbahasan merupakan suatu amalan biasa dalam kalangan para ulama. Seorang ulama terkemuka ketika itu kemudian menggelarnya "Badiuzzaman" atau "Keunggulan Zaman" setelah beliau berjaya mengalahkan beberapa orang ulama lain dalam perbahasan ketika beliau masih berumur 16 tahun.

Pengalaman beliau dalam pelbagai bidang pendidikan

yang dilalui telah mengubah fikirannya untuk memikirkan cara untuk menghasilkan sistem pendidikan yang bersepadu. Ketika itu, dunia sedang memasuki satu zaman baharu yang membawa angin perubahan di mana ilmu sains dan ilmu mantik memainkan peranan penting dalam kehidupan seharian. Beliau berpendapat bahawa ilmu agama perlu diajar di sekolah-sekolah moden, dan sebaliknya ilmu sains moden perlu diajar di sekolah-sekolah agama. Beliau berkata, "*Dengan cara ini, para pelajar di sekolah moden dapat dilindungi daripada kekufuran dan para pelajar di sekolah agama dapat dilindungi daripada sikap taasub*". Dalam usaha merealisasikan cita-cita dan impian beliau untuk mendirikan sebuah universiti di Anatolia Timur, Badiuzzaman telah pergi ke Istanbul sebanyak dua kali. Kali pertama beliau pergi ke Istanbul untuk bertemu dengan Sultan Abdul Hamid dan pada kali kedua pula untuk bertemu dengan Sultan Muhammad Resyad. Badiuzzaman telah dilantik sebagai wakil bagi Timur Turki untuk mengiringi Sultan Muhammad Resyad melawat beberapa daerah di wilayah Balkan. Ketika berada di Kosovo, sebuah tempat di mana sultan bercadang untuk membina sebuah universiti di situ, beliau telah berkata kepada sultan, *"Kawasan Timur lebih memerlukan sebuah universiti kerana ia merupakan pusat dunia Islam"* dan telah berjaya meyakinkan Sultan Muhammad Resyad. Malangnya, pembinaan universiti tersebut tidak dapat disiapkan kerana tercetusnya Perang Dunia Pertama beberapa tahun kemudian.

Semasa tercetusnya Perang Dunia Pertama, Badiuzzaman telah dilantik sebagai komander pasukan sukarelawan di medan perang Kaukasia dan Anatolia Timur. Di medan perang inilah beliau telah menulis tafsirnya yang bertajuk "Isyaratul

I'jaz" dalam bahasa Arab. Beberapa bahagian daripada tafsir ini ditulis ketika beliau menunggang kuda di barisan hadapan dan di dalam kubu-kubu pertahanan di medan perang. Tafsir ini kemudian mendapat penghargaan daripada para ulama terkenal di Turki dan Kaherah.

Pada tahun 1911, Badiuzzaman telah dijemput ke Damsyik untuk menyampaikan khutbah di Masjid Umayyad. Para jemaah yang hadir ketika beliau menyampaikan khutbah itu termasuklah seratus orang ulama yang terkenal. Dalam khutbahnya, beliau telah menyebut bahawa tamadun sebenar umat Islam akan ditegak atau direalisasikan pada era dunia moden.

KEMUNCULAN RISALAH AN-NUR

Sepatutnya penyebaran hal-hal keimanan bukanlah sesuatu yang perlu dibimbangkan. Berdakwah juga bukanlah satu jenayah yang melayakkan nyawa seseorang diancam. Namun begitu, hal-hal ini dianggap satu jenayah ketika itu di mana kezaliman pihak berkuasa menyelubungi negara Turki dengan dahsyatnya. Azan telah diharamkan. Beratus-ratus masjid telah digunakan untuk tujuan bukan keagamaan. Perancangan telah dijalankan untuk memutuskan negara Turki daripada zaman silamnya yang terkenal dengan segala nilai-nilai akhlaknya yang mulia. Pada ketika itu, sesiapa yang ingin bercakap mengenai agama, memerlukan keberanian yang tinggi.

Dalam suasana beginilah Badiuzzaman Said Nursi memasuki bahagian kedua hidupnya yang digelarnya "Said Jadid" (Said Baharu). Bahagian kedua dalam hidupnya ini ditumpukan sepenuhnya terhadap penulisan dan penyebaran Risalah an-Nur yang bertunjangkan iman dan Islam. Baginya,

hakikat iman adalah kebenaran sejagat yang paling penting. Menghidupkan semula iman dan Islam menjadi matlamatnya apabila beliau berkata, "*Saya akan buktikan kepada dunia bahawa al-Quran ialah matahari rohani yang tidak akan luntur dan tidak akan padam.*" Maka itulah yang diperjuangkannya.

Ketika itu, penulisan atau penyebaran karya agama bukanlah sesuatu yang mudah di mana hampir tiada orang yang berani melakukannya. Inilah perjuangan berani yang berterusan yang menjadi pilihan Badiuzzaman dan para pelajarnya.

Mereka yang telah memahami intipati iman melalui Risalah an-Nur dapat mencapai tahap keimanan yang kental sehingga mampu menunjukkan keberanian dan keperwiraan Islam yang hebat. Badiuzzaman, yang mewakili roh perjuangan Risalah an-Nur sendiri telah menjadi pemimpin bagi ratusan ribu pelajar dan kini telah mencapai jutaan pelajar yang menghayati karya tersebut. Beliau telah menjadi contoh kepada umat Islam di Turki ketika itu. Beliaulah penyokong mereka pada hari-hari yang penuh bahaya, seumpama seorang ketua tentera yang memberi galakan kepada tenteranya melalui keberanian dan kewibawaannya. Dengan ini, mereka telah berjaya menghilangkan ketakutan dari hati orang ramai dan sehingga kini, maruah negara telah dapat dikembalikan.

Beliau terus menulis dan menyebarkan Risalah an-Nur. Oleh sebab beliau dan para pengikutnya tidak diberi kebebasan, mereka telah menubuhkan rangkaian pengirim Risalah an-Nur yang dinamakan "Posmen Nur" (Nurcu). Hasilnya, mereka telah berjaya menyebarkan sebanyak 600,000 naskhah Risalah an-Nur yang bertulisan tangan ke seluruh Anatolia yang mengandungi lebih daripada 130 risalah atau bahagian.

Beliau juga telah berjaya menghasilkan karya-karya baharu walaupun kertas dan pena tidak dibenarkan dibawa masuk ke dalam penjara. Beberapa karyanya ditulis di atas cebisan-cebisan kertas yang dikoyak daripada apa sahaja barangan yang ada. Karyanya kemudian diseludup keluar di dalam kotak-kotak mancis. Sebahagian daripada karyanya yang berjudul "Meyve Risalesi (Buah-buah Keimanan)" telah ditulis dengan cara ini.

Beliau telah diracun sebanyak 19 kali. Ketika beliau menderita kesakitan akibat diracun, beberapa orang pelajarnya memberanikan diri untuk menolongnya tetapi telah ditangkap dan diseksa dengan kejam sekali. Beliau juga telah dibuang dari daerah ke daerah dan dipenjarakan hampir separuh daripada hayatnya.

Akhirnya, pada tahun 1956, Mahkamah Agung di Afyon telah mengisytiharkan beliau dan murid-muridnya tidak bersalah.

Selepas hampir seabad berkhidmat untuk iman dan Islam, Badiuzzaman Said Nursi kembali ke rahmatullah pada pagi 23 Mac 1960 dengan penuh kemuliaan dan kemenangan.

Risalah an-Nur adalah koleksi karya yang memberi keutamaan kepada asas keimanan, berasaskan kebenaran al-Quran dan Hadis kepada manusia yang disesuaikan dengan kehidupan zaman ini. Metodologi yang digunakannya adalah dengan menganalisis keimanan dan kekufuran serta menunjukkan melalui hujah-hujah yang rasional dan terang bahawa bukan sahaja keimanan boleh dibuktikan, kesemua kebenaran yang terkandung dalam rukun-rukun keimanan seperti kewujudan Allah SWT dan keesaan-Nya, kerasulan,

kewujudan malaikat dan kebangkitan manusia pada hari akhirat dalam bentuk jasad juga dapat dibuktikan dengan jelas.

Dalam menjelaskan tujuan utama penciptaan manusia dan alam semesta ini, Risalah an-Nur dapat meyakinkan dengan sejelas-jelasnya bahawa kebahagiaan dunia dan akhirat hanyalah boleh diperoleh dengan memahami hakikat keimanan. Ia juga menunjukkan dengan jelas bahawa kekufuran akan menyebabkan roh manusia dan hatinya mengalami kesakitan dan kesedihan yang amat sangat, menyebabkan orang-orang yang sesat berusaha untuk menghilangkannya melalui cara-cara yang melalaikan dengan menolak kenyataan.

Oleh itu, perkara yang perlu kita lakukan adalah menggembleng semua tenaga untuk membangunkan ajaran Islam melalui asas keimanan dan menjawab persoalan-persoalan keimanan ini pada tahap yang diperlukan dengan jihad yang maknawi.

Ustaz Badiuzzaman Said Nursi telah diiktiraf sebagai seorang "Mujaddid" pada zaman ini dan Risalah an-Nur telah diterima oleh ulama-ulama terkenal dalam kalangan ulama-ulama "Ahli Sunnah wal-Jamaah" seperti Dr. Yusuf al-Qardawi, Dr. Ramadan al-Buti, Dr. Wahbah al-Zuhayli dan kebanyakan ulama-ulama dari Universiti al-Azhar.

IMAN DAN MANUSIA

Kalimah Kedua Puluh Tiga

[Kalimah ini mengandungi Dua Bab]

بِسْمِ اللَّهِ ٱلرَّحْمَـٰنِ ٱلرَّحِيمِ

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang.

Firman Allah SWT:

لَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ فِي أَحْسَنِ تَقْوِيم ۞ ثُمَّ رَدَدْنَاهُ أَسْفَلَ سَافِلِينَ ۞
إِلَّا الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ فَلَهُمْ أَجْرٌ غَيْرُ مَمْنُونٍ ۞

Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya (dan berkelengkapan sesuai dengan keadaannya). Kemudian (jika ia panjang umur sehingga tua atau menyalahgunakan kelengkapan itu), kami kembalikan dia ke serendah-rendah peringkat orang-orang yang rendah, kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh, maka mereka beroleh pahala yang tidak putus-putus. (Surah at-Tin: 4-6)

BAB PERTAMA

Kami akan menjelaskan hanya lima daripada ribuan keindahan iman dalam lima 'Noktah'.

Noktah Pertama

Melalui cahaya iman, seorang insan dapat mencapai maqam *a'la iliyyin* (peringkat yang paling tinggi) dan melayakkan dirinya untuk ke syurga. Sebaliknya, kegelapan kekufuran pula akan menjatuhkannya ke maqam *asfala safilin* (peringkat yang paling rendah), sehingga melayakkan dirinya untuk ke neraka jahanam. Hal ini demikian kerana, iman menghubungkan insan dengan Penciptanya Yang Maha Agung, ia merupakan suatu ikatan. Dengan iman, seseorang insan memperoleh nilai melalui penjelmaan seni Ilahi dan ukiran *Asma'ul Rabbani* (Nama-nama Ilahi) yang terdapat pada dirinya. Manakala kekufuran pula memutuskan hubungan ini sehingga penjelmaan seni Ilahi yang ada pada dirinya tersembunyi. Maka, nilai seseorang insan tadi hanyalah tinggal pada keadaan fizikalnya sahaja. Oleh sebab fizikalnya itu hanya bersifat fana, akan berlalu, dan merupakan sebuah kehidupan kehaiwanan yang sementara, ia hampir tidak mempunyai nilai langsung. Kami akan menerangkan rahsia ini melalui satu *tamsil* (perumpamaan):

Sebagai contoh, bagi sesuatu karya seni, nilai bahan yang digunakan untuk menghasilkannya adalah berbeza berbanding nilai seninya yang sebenar. Kadangkala, nilai kedua-duanya adalah sama. Adakalanya, bahannya itu lebih bernilai, dan ada juga situasi di mana hasil seni yang bernilai ratusan ringgit

boleh diperoleh daripada bahan besi yang nilainya kurang daripada lima ringgit sahaja. Bahkan, terdapat juga hasil karya seni antik yang bernilai jutaan ringgit walaupun nilai bahan yang terdapat padanya tidak lebih daripada lima ringgit. Apabila hasil seni seperti itu dibawa ke kedai barangan antik, ia dapat dijual dengan harga jutaan ringgit setelah karyawannya yang masyhur dan mahir dikaitkan dengannya. Sebaliknya jika hasil seni itu dibawa ke kedai besi buruk, bayaran yang diperoleh hanyalah nilai lima ringgit bagi besi tersebut.

Demikianlah juga dengan insan, ia adalah karya seni antik Allah Yang Maha Kuasa. Diri manusia itu adalah mukjizat kekuasaan-Nya yang paling indah, dengan kehalusan yang sangat tinggi, diciptakan untuk memanifestasikan semua Nama dan seni ukiran-Nya dalam bentuk spesimen miniatur alam semesta. Apabila seseorang itu disinari dengan cahaya iman, segala ukiran seni yang bermakna padanya dapat dibaca. Sebagai seorang yang beriman, dia dapat membacanya dengan penuh kesedaran, dan melalui hubungan ini, membuatkan orang lain juga dapat membacanya. Hal ini bermakna, seni Ilahi dalam diri manusia itu menzahirkan makna seperti, "*Aku adalah ciptaan dan hasil seni Pencipta Yang Maha Agung. Aku memanifestasikan rahmat dan kemurahan-Nya.*" Maka, iman yang menghubungkan makhluk dengan Penciptanya akan menjelaskan segala hasil seni yang wujud pada dirinya. Oleh itu, nilai manusia adalah ditentukan oleh seni Ilahi berdasarkan cerminan *as-Samad* (Yang Maha Diperlukan oleh semua makhluk) yang terdapat pada dirinya. Maka, manusia yang pada mulanya tidak memiliki apa-apa nilai tadi bertukar menjadi makhluk yang memiliki martabat paling tinggi sehingga membolehkannya menerima sapaan Ilahi dan

mendapat kemuliaan yang melayakkannya menjadi tetamu Allah di dalam syurga.

Namun, jika kekufuran, yang merupakan pemutus hubungan dengan Ilahi, menyelinap masuk ke dalam hatinya, maka semua ukiran seni yang bermakna bagi nama-nama Ilahi itu akan jatuh ke dalam lembah kegelapan dan tidak dapat dibaca. Hal ini demikian kerana, jika Pencipta dilupakan, segala aspek maknawi yang mengarah kepada-Nya tidak akan dapat difahami, seolah-olah ia tidak dapat dibaca. Selain itu, sebahagian besar ukiran seni yang halus, tinggi dan bermakna tersebut juga akan tersembunyi. Jika masih ada tanda-tanda yang kelihatan sekalipun, ia akan dikaitkan dengan penyebab-penyebab yang rendah, 'semula jadi' dan 'kebetulan', lalu akan hilanglah nilainya. Setiap satu yang dahulunya merupakan permata yang berkilauan akan bertukar menjadi kepingan kaca yang kusam. Nilainya ketika itu hanya terletak pada keadaan fizikal kehaiwanannya sahaja. Sebagaimana yang telah kami jelaskan, matlamat dan natijah fizikal manusia hanyalah untuk menghabiskan kehidupan kehaiwanan singkat yang dimilikinya, sebagai makhluk yang paling lemah, paling memerlukan dan sentiasa berkeluh-kesah. Pada akhirnya, fizikalnya itu juga akan mereput dan hilang. Demikianlah bagaimana kekufuran membinasakan hakikat seseorang manusia dan menukarkannya daripada sebutir permata menjadi seketul arang batu.

Noktah Kedua

Sebagaimana iman adalah cahaya yang menyinari manusia, memperlihatkan segala ukiran Ilahi yang terdapat padanya, sehingga mesej Dia yang bersifat *as-Samad* (Yang Maha

Diperlukan oleh semua makhluk) dapat dibaca; maka demikian juga, iman menerangi alam semesta dan menyelamatkan masa lalu serta masa hadapan manusia daripada kegelapan. Rahsia ini akan aku jelaskan melalui satu perumpamaan yang aku lihat dalam sebuah imaginasi, yang berkaitan dengan salah satu rahsia ayat berikut:

Firman Allah SWT:

اللَّهُ وَلِيُّ الَّذِينَ آمَنُوا يُخْرِجُهُم مِّنَ الظُّلُمَاتِ إِلَى النُّورِ

Allah Pelindung (*Yang mengawal dan menolong) orang-orang yang beriman. Dia mengeluarkan mereka daripada kegelapan (kufur) kepada cahaya (iman)*. (Surah al-Baqarah: 257)

Ia adalah seperti berikut:

Dalam suatu imaginasi, aku melihat sebuah jambatan yang menakjubkan yang dibina di antara dua buah gunung yang amat tinggi yang terletak bertentangan antara satu sama lain. Di bawah jambatan tersebut terdapat sebuah jurang yang sangat dalam. Aku sedang berada di atas jambatan tersebut. Dunia ketika itu diselubugi oleh kegelapan yang tebal dari segenap penjuru. Aku menoleh ke sebelah kanan; di sebalik kegelapan yang tidak berkesudahan, aku terlihat kubur yang besar. Begitulah apa yang aku bayangkan. Kemudian aku menoleh pula ke sebelah kiri, aku melihat seolah-olah ribut yang mengganas dan bencana sedang menunggu di dalam gelombang kegelapan yang menakutkan. Aku melihat pula ke bawah jambatan. Tergambar pada pandanganku sebuah jurang yang amat dalam. Aku hanya mempunyai sebuah lampu suluh yang malap dalam genggaman tanganku di saat

berhadapan dengan segala kegelapan yang menakutkan ini. Lalu aku menyalakannya. Melalui cahaya yang sedikit itu, aku ternampak keadaan yang sangat mengerikan di hadapanku. Di hadapan dan di sekelilingku, aku melihat begitu banyak naga, singa dan raksasa sehinggakan aku berharap aku tidak mempunyai lampu suluh ini agar aku tidak menyaksikan semua makhluk yang menakutkan ini. Ke mana sahaja aku halakan lampu suluh tersebut, kengerian yang sama aku rasakan. Aku berteriak: "*Ah! Lampu suluh ini hanya membawa masalah kepadaku!*", lalu aku melemparkannya ke tanah sehingga ia pecah. Tiba-tiba keadaan menjadi terang-benderang, seolah-olah dengan memecahkannya, aku telah menghidupkan suis sebuah lampu elektrik besar yang dapat menerangi seluruh dunia dan menghilangkan kegelapan. Setiap penjuru tempat menjadi terang dengan cahaya tersebut. Semuanya dapat dilihat dengan jelas dan terang sebagaimana keadaannya yang sebenar.

Lalu aku dapati jambatan yang aku lihat itu sebenarnya adalah sebuah lebuhraya yang melalui dataran yang rata. Tanah perkuburan besar yang aku lihat di sebelah kananku pula adalah majlis-majlis ibadah, majlis untuk berkhidmat, majlis persaudaraan dan majlis zikir, yang dipandu oleh mereka yang alim di taman-taman yang sangat indah dan menghijau. Manakala segala jurang dan puncak yang aku lihat di sebelah kiriku yang aku bayangkan sebagai tempat yang bergelora dan penuh dengan badai, dalam kesamaran, aku kini melihatnya sebagai suatu tempat yang luas, indah dan tinggi, penuh dengan jamuan, kawasan beriadah dan juga tempat bersuka-ria. Selain itu, kawasan yang terletak di sebalik bukit-bukau dan gunung-ganang itu juga dipenuhi dengan hiasan

dan sangat menyenangkan. Manakala makhluk-makhluk yang aku sangka sebagai raksasa dan naga yang menakutkan itu sebenarnya hanyalah binatang-binatang ternakan jinak seperti unta, lembu, biri-biri dan kambing. Pada ketika itu, aku mengucapkan: "*Alhamdulillah atas cahaya iman*". Selanjutnya aku membaca ayat berikut:

اللَّهُ وَلِيُّ الَّذِينَ آمَنُوا يُخْرِجُهُم مِّنَ الظُّلُمَاتِ إِلَى النُّورِ

Allah Pelindung (Yang mengawal dan menolong) orang-orang yang beriman. Dia mengeluarkan mereka dari kegelapan (kufur) kepada cahaya (iman). (al-Baqarah: 257)

Kemudian aku tersedar daripada imaginasiku itu.

Dua buah gunung yang besar yang dimaksudkan itu adalah permulaan dan pengakhiran kehidupan, iaitu dunia ini dan alam barzakh. Jambatan yang terbentang itu pula adalah jalan kehidupan. Sebelah kanannya adalah masa lalu manakala sebelah kirinya pula adalah masa akan datang. Lampu suluh itu pula melambangkan keegoan manusia yang bergantung pada ilmu yang ada pada dirinya dan tidak mahu menghiraukan *wahyu samawi* (wahyu Ilahi). Makhluk-makhluk yang disangka raksasa itu sebenarnya adalah kejadian-kejadian alam dan makhluk-makhluk yang menakjubkan.

Maka, inilah keadaan seseorang yang bergantung pada keegoannya, terjatuh ke dalam kegelapan kelalaian, dan dibelenggu oleh kegelapan kesesatan. Dirinya menyerupai keadaanku di peringkat awal imaginasiku. Dengan pengetahuan yang tidak sempurna dan penuh kesesatan seperti sebuah lampu suluh yang malap, dia melihat masa lalu sebagai sebuah kubur besar di tengah-tengah kegelapan yang dipenuhi dengan

ketidakwujudan. Dia melihat masa depan sebagai sebuah tempat terbiar yang bergelora dan terpencil yang dikuasai oleh 'kebetulan'. Setiap peristiwa dan makhluk yang merupakan hamba-hamba yang tunduk patuh kepada Tuhan Yang Maha Bijaksana lagi Maha Mengasihani itu digambarkan sebagai binatang buas yang berbahaya. Orang seperti itu seolah-olah memanifestasikan ayat al-Quran berikut:

وَالَّذِينَ كَفَرُوا أَوْلِيَاؤُهُمُ الطَّاغُوتُ يُخْرِجُونَهُم مِّنَ النُّورِ إِلَى الظُّلُمَاتِ

Dan orang-orang yang kafir, penolong-penolong mereka ialah Taghut yang mengeluarkan mereka dari cahaya (iman) kepada kegelapan (kufur). (al-Baqarah: 257)

Namun, jika hidayah Ilahi dan iman sampai ke hatinya, jiwa seumpama kesombongan Firaun dalam dirinya dihancurkan, dan dia mendengar akan Kitabullah, maka keadaannnya akan menyerupai keadaanku yang kedua dalam imaginasi tersebut. Ketika itu, alam semesta akan serta-merta berubah menjadi siang hari dan dipenuhi dengan cahaya Ilahi. Seolah-olah dunia ini akan mengisytiharkan ayat al-Quran berikut:

اللَّهُ نُورُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ

Allah yang menerangi langit dan bumi. (al-Nur: 35)

Maka dengan itu, dia akan melihat dengan mata hati bahawa masa lalu itu bukanlah sebuah kubur yang besar, sebaliknya ia merupakan tempat berkumpulnya roh-roh yang suci pada setiap abad, yang telah menyelesaikan ubudiyyah hidup mereka di bawah pimpinan para nabi dan para wali. Setelah menyelesaikan tugas kehidupan, mereka mengungkapkan '*Allahu Akbar*' lalu terbang ke maqam-maqam yang tinggi

menuju masa hadapan. Seterusnya, dia melihat ke sebelah kiri, dan melalui cahaya iman, di sebalik beberapa revolusi alam barzakh dan juga alam akhirat yang bagaikan gunung-ganang itu, terdapat jamuan daripada Tuhan Yang Maha Pemurah, didirikan di istana-istana kebahagiaan di taman-taman Syurga. Lalu, dia menyedari bahawa segala ribut taufan, gempa bumi dan segala wabak yang melanda, semuanya adalah merupakan hamba-hamba-Nya yang taat setia menurut perintah. Dia juga memahami bahawa setiap yang berlaku itu adalah wasilah bagi segala hikmah yang, walaupun secara zahirnya kelihatan kejam namun sebenarnya penuh dengan kelembutan, seumpama kejadian ribut dan hujan pada musim bunga. Bahkan dia akan melihat kematian itu sebagai mukadimah bagi menempuh kehidupan yang abadi dan kubur itu sebagai pintu menuju kebahagiaan yang kekal. Selanjutnya, anda bolehlah bandingkan aspek-aspek berikutnya sendiri. Terapkanlah hakikat kehidupan pada perumpamaan tersebut.

Noktah Ketiga

Iman adalah cahaya dan juga kekuatan. Sesungguhnya, seseorang yang memiliki iman yang hakiki mampu mencabar seluruh alam semesta dan terselamat daripada tekanan segala peristiwa mengikut kekuatan iman yang ada pada dirinya. Dengan berkata, "*Aku bertawakal kepada Allah*", dia mengharungi segala peristiwa yang membadai sehebat gunung dalam bahtera kehidupannya itu dengan penuh keselamatan. Dia menyerahkan segala bebanan kehidupan kepada kekuasaan Allah Yang Maha Berkuasa, mengharungi perjalanan kehidupan duniawi dengan tenang, beristirahat di alam barzakh, dan akhirnya dapat terbang ke syurga untuk menikmati kebahagiaan yang abadi. Sebaliknya, jika dia

tidak bertawakal kepada Allah, bebanan dunia bukan sahaja menghalanginya daripada terbang, malah turut mengheretnya ke darjat yang paling rendah. Hal ini bermakna bahawa iman menatijahkan kepada tauhid (pengesaan kepada Allah). Tauhid menatijahkan taslim (penyerahan kepada Allah). Taslim menatijahkan kepada tawakkal (pergantungan kepada Allah) dan tawakal kepada Allah menatijahkan kebahagiaan di dunia dan juga di akhirat. Namun, janganlah anda salah faham. Tawakal bukanlah bermaksud menolak semua sebab-musabab sama sekali. Sebaliknya, ketahuilah bahawa sebab-musabab itu adalah hijab bagi Allah Yang Maha Kuasa yang perlu dipatuhi, dengan mengetahui bahawa sebab-musabab itu adalah seumpama doa yang aktif, untuk mendapat segala kesannya daripada Allah Yang Maha Kuasa. Kita harus beriktikad bahawa hasil segala usaha tersebut adalah daripada Allah SWT sahaja dan kepada-Nyalah kita harus bersyukur.

Mereka yang bertawakal kepada Allah dan mereka yang tidak bertawakal kepada-Nya menyamai kisah dua orang di dalam hikayat berikut:

Pada suatu ketika, dua orang lelaki memikul beban yang berat di atas belakang dan kepala mereka, dan setelah membeli tiket, mereka menaiki sebuah kapal yang besar. Sebaik sahaja mereka menaiki kapal tersebut, salah seorang daripada mereka meletakkan barangan yang dipikulnya di atas dek (lantai kapal) lalu duduk di atasnya sambil menjaganya. Manakala rakannya, disebabkan bodoh dan sombong, dia tidak meletakkan barangannya itu. Apabila dia diberitahu: "*Letakkan baranganmu yang berat itu di atas dek dan berehatlah*", dia menjawab: "*Tidak! Aku tidak akan meletakkannya, ia mungkin akan hilang. Aku cukup kuat untuk*

terus memikul baranganku ini di atas kepala dan belakangku." Dia diberitahu lagi: "*Kapal diraja yang boleh dipercayai yang membawamu dan kita semua ini adalah lebih kuat, ia boleh melindungi kita dengan lebih baik. Kamu mungkin akan merasai pening, terhuyung-hayang lalu terjatuh ke dalam laut bersama bebanan itu. Lagipun, dari semasa ke semasa, kamu akan kehilangan tenaga dan beban itu akan menjadi semakin berat. Belakangmu yang bengkok serta kepalamu yang bodoh itu tidak akan mampu untuk menanggungnya. Jika nakhoda kapal ini melihat kamu dalam keadaan ini, dia mungkin akan menganggapmu gila dan akan mengusirmu daripada kapal ini. Dia juga mungkin menyangka bahawa kamu ialah seorang pengkhianat, menyalahkan kapal kita ini dan mengejek kita semua. Seterusnya, dia akan mengarahkan kamu dimasukkan ke dalam penjara. Dengan itu, kamu akan memperbodohkan dirimu sendiri di hadapan khalayak ramai. Hal ini kerana pada mata pemerhati yang bijaksana, kamu telah mempamerkan kelemahan melalui kesombongan, ketidakberdayaan melalui kebanggaan dan kehinaan melalui sikap kepura-puraanmu. Dengan ini, kamu telah menjadikan dirimu bahan ketawa di mata orang lain. Semua orang sedang mentertawakanmu.*" Setelah itu, lelaki yang malang itu menyedari kesalahannya.

Dia pun meletakkan barangannya di atas lantai dan duduk di atasnya. Dia berkata kepada rakannya: "*Oh, semoga Allah memberkatimu. Engkau telah menyelamatkan aku daripada kesusahan, dipenjarakan dan daripada membodohkan diri sendiri.*"

Wahai manusia yang tidak mahu bertawakkal kepada Allah! Sedarlah dan kembalilah kepada kewarasan anda seperti lelaki tadi dan bertawakallah, agar anda terselamat

daripada mengemis di hadapan sekalian makhluk di alam ini, menggeletar ketakutan di hadapan setiap peristiwa, merasakan dunia ini seumpama penjara dalam tekanan hidup, dijauhi daripada kesombongan, menjadi bahan ejekan serta terselamat daripada kesengsaraan pada hari akhirat.

Noktah Keempat

Iman membuatkan manusia menjadi manusia dalam erti kata yang sebenarnya. Malah ia menjadikannya seorang raja. Oleh itu, tugas utama seorang manusia adalah beriman dan berdoa. Sebaliknya, kekufuran pula menjadikannya seekor haiwan buas yang sangat lemah.

Daripada ribuan bukti mengenai perkara ini, segala perbezaan yang wujud dalam cara manusia dan haiwan datang ke dunia ini adalah satu indikasi yang terang dan bukti yang jelas akannya.

Ya! Kesemua perbezaaan ini menunjukkan bahawa manusia mencapai tahap kemanusiaannya melalui keimanan. Hal ini demikian kerana sebaik sahaja haiwan hadir ke dunia, mereka hadir lengkap dengan segala perkara yang sesuai dengan kemampuan mereka, seolah-olah telah disempurnakan di dunia lain; iaitu mereka dikirimkan ke dunia ini. Dalam masa dua jam, dua hari, atau paling lewat dua bulan sahaja, mereka mempelajari segala syarat kehidupan dan hubungan mereka dengan seluruh alam semesta serta undang-undang yang diperlukan, lalu menjadi mahir dengannya. Sebagai contoh, burung pipit dan lebah memperoleh kekuatan dan mahir dalam segala tindakan mereka hanya dalam tempoh dua puluh hari, sementara manusia memerlukan dua puluh tahun untuk mencapai kebolehan yang sama. Hal ini bermakna haiwan

telah diilhamkan dengan kemampuan tersebut. Oleh itu, dapatlah disimpulkan bahawa tugas utama haiwan bukanlah untuk mencapai kesempurnaan melalui pembelajaran, atau mencapai kemajuan dengan mencari ilmu pengetahuan, atau memohon pertolongan melalui doa dengan menunjukkan kelemahan mereka. Sebaliknya, tugas mereka adalah untuk bekerja dan bertindak sesuai dengan kemampuan mereka, yang merupakan suatu bentuk ibadah yang aktif.

Hal ini berbeza pula dengan manusia, yang mana dia perlu mempelajari segala-galanya ketika dia lahir ke dunia ini. Dirinya adalah jahil dan tidak mampu mempelajari segala peraturan hidup walaupun dalam tempoh dua puluh tahun. Bahkan, dia perlu terus belajar sehingga ke akhir hayatnya. Dia juga dihantar ke dunia ini dalam keadaan yang paling lemah dan daif, bahkan dia hanya mampu berdiri sendiri setelah berumur satu atau dua tahun. Hanya dalam masa lima belas tahun barulah dia mampu membezakan antara perkara yang berbahaya dan perkara yang bermanfaat, dan dengan bantuan pengalaman umat manusia yang lain, dia dapat menarik perkara-perkara yang menguntungkannya dan menghindari perkara-perkara yang membahayakannya. HaI ini bermakna, tugas fitrah manusia adalah untuk disempurnakan melalui pembelajaran dan mengisytihar ubudiyyahnya kepada Tuhan dan pengabdiannya melalui doa. Maka dengan ini, dia perlu mengetahui segala jawapan bagi soalan-soalan berikut:

"*Melalui kerahmatan siapakah, kehidupanku ini diatur dengan begitu bijaksana sebegini rupa? Melalui kemurahan hati siapakah aku dididik dengan penuh kasih sayang? Melalui belas kasihan siapakah aku diberi makan dan diuruskan dengan begitu halus kesempurnaannya?*"

Berhubung dengan segala keperluannya pula, yang mana tangannya sendiri tidak dapat capai walaupun satu daripada seribu, dia perlu merayu kepada Dia, Pemberi Segala Hajat, melalui lisan kelemahan dan kefakiran, serta berdoa dan merayu kepada-Nya. Oleh itu, tugas manusia adalah untuk terbang menuju ke maqam ubudiyyah yang tinggi dan mengabdikan diri kepada Tuhannya melalui sayap kelemahan dan kedaifannya.

Maka, hal ini bermakna, manusia hadir ke dunia ini adalah untuk disempurnakan melalui ilmu pengetahuan dan doa. Berkaitan dengan fitrah dan kemampuannya pula, segala-galanya bergantung dengan ilmu pengetahuan. Seterusnya, asas, sumber, cahaya dan roh kepada semua ilmu yang hakiki adalah ilmu mengenal Allah (*makrifatullah*), dan intipati serta asasnya adalah beriman kepada Allah SWT.

Tambahan pula, memandangkan manusia itu terdedah kepada segala bentuk musibah dan serangan musuh yang tidak terhitung banyaknya kerana kelemahan mutlak yang dimilikinya, serta mempunyai permintaan dan keperluan yang pelbagai sedangkan dirinya berada dalam keadaan papa kedana, maka tugas fitrahnya yang utama selepas beriman adalah berdoa, yang merupakan asas kepada segala ubudiyyah terhadap Tuhannya. Sebagai contoh, untuk mendapatkan sesuatu keinginan atau hajat yang tidak dapat dicapai, seorang anak kecil sama ada akan menangis atau memintanya. Dia akan berdoa melalui lidah kelemahannya sama ada dalam bentuk perkataan atau tindakan. Dengan ini, dia akan berjaya mencapai hajatnya itu. Dengan cara yang sama, manusia adalah seumpama bayi yang lembut, rapuh, lemah dan manja di hadapan sekalian makhluk hidup. Dia harus meratap di

hadapan keagungan Tuhannya Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang melalui kedaifan dan kelemahannya. Atau, dia perlu berdoa melalui kemiskinan dan keperluannya, supaya segala hajat yang diinginginya dapat diberikan, agar dia bersyukur atas segala apa yang telah dikurniakan kepadanya. Sebaliknya, jika dia berkelakuan seperti seorang kanak-kanak yang tidak cukup akal serta nakal, membuat kecoh terhadap seekor lalat dengan berkata: "*Dengan kekuatanku sendirilah, aku mampu menundukkan perkara- perkara yang tidak mungkin ditundukkan oleh orang lain, bahkan perkara yang seribu kali ganda lebih berkuasa daripadaku, dan aku boleh membuat mereka semua tunduk kepadaku melalui pemikiran dan kekuatanku sendiri*". Dengan ini, dia menunjukkan ketidaksyukuran terhadap segala nikmat yang diperolehinya. Hal ini bukan sahaja bertentangan dengan fitrah insaniah manusia, tetapi juga membuatkan dirinya layak untuk menerima azab hukuman yang berat.

Noktah Kelima

Iman menuntut doa sebagai suatu cara yang pasti untuk mendapatkan segala keperluan, dan fitrah manusia mempunyai keinginan yang kuat terhadapnya. Firman Allah SWT Yang Maha Agung:

قُلْ مَا يَعْبَأُ بِكُمْ رَبِّي لَوْلَا دُعَاؤُكُمْ

Katakanlah (wahai Muhammad kepada golongan yang ingkar): Tuhanku tidak akan menghargai kamu kalau tidak adanya doa ibadat kamu kepada-Nya. (Surah al-Furqaan: 77)

Ayat al-Quran di atas membawa maksud: "*Jika tidak kerana doa kalian, apa pentingnya kewujudan kalian?*"

Allah SWT juga memerintahkan:

أُدْعُونِي أَسْتَجِبْ لَكُمْ

Berdoalah kepada-Ku, nescaya Aku perkenankan doa permohonanmu. (Surah al-Ghaafir:60)

Jika anda berkata:

"*Kami sering berdoa tetapi doa kami tidak dikabulkan. Padahal ayat itu bersifat umum, ia menyatakan bahawa setiap doa akan dijawab.*"

Jawapannya:

Menjawab dan mengabulkannya (menerima doa tersebut) merupakan dua perkara yang berbeza. Setiap doa adalah dijawab, namun penerimaan dan pemberian seperti yang diminta adalah bergantung kepada hikmah Allah Yang Maha Kuasa. Sebagai contoh: Seorang kanak-kanak yang sedang sakit memanggil doktor dengan berkata: "*Doktor! Doktor!*", lalu doktor tersebut menjawab: "*Ya, saya di sini, apa yang kamu mahu?*", dan kanak-kanak itu berkata: "*Berikan saya ubat tersebut!*". Doktor tersebut akan sama ada memberikannya seperti yang diminta, atau memberikan sesuatu yang lebih baik dan bermanfaat untuknya, atau kerana mengetahui bahawa ubat itu berbahaya untuk penyakitnya, maka doktor tersebut tidak memberikannya apa-apa.

Begitu juga, memandangkan Allah Yang Maha Kuasa, Maha Hadir dan Maha Melihat segala-galanya, maka Dia menjawab segala doa para hamba-Nya. Melalui kehadiran dan jawapan-Nya, Dia mengubah ketakutan dan keterasingan menjadi keakraban terhadap-Nya. Namun, Dia melakukannya bukan mengikut kehendak hawa nafsu dan desakan manusia

yang tidak menentu, tetapi bersesuaian dengan hikmah Rabbani-Nya. Dia sama ada akan memberikan apa yang diminta, sesuatu yang lebih baik atau tidak memberikannya apa-apa pun.

Selain itu, doa juga merupakan suatu bentuk ubudiyyah dan pengakuan kehambaan manusia kepada Allah. Hasilnya pula adalah untuk ganjaran di akhirat. Tujuan keduniaannya hanyalah untuk waktu-waktu yang dipergunakan untuk melaksanakan doa dan ibadah tersebut. Sebagai contoh, solat istisqa' (solat memohon hujan) dan doanya adalah satu bentuk ibadah.

Musim kemarau pula adalah waktu bagi menunaikan ibadah tersebut. Ibadah dan doa yang dilakukan itu bukanlah semata-mata untuk memohon hujan diturunkan. Jika ibadah solat dan doa itu ditunaikan dengan niat sedemikian sahaja, maka ia tidak layak untuk dimakbulkan kerana ia bukanlah merupakan suatu ibadah yang ikhlas. Sebagaimana matahari terbenam menjadi penanda waktu untuk solat maghrib, gerhana matahari dan gerhana bulan pula adalah waktu untuk menunaikan dua solat khusus iaitu solat *sunat khusuf* (gerhana bulan) dan solat *sunat kusuf* (gerhana matahari). Hal ini bermakna, dengan tertutupnya dua tanda cahaya malam dan siang, kebesaran Allah diisytiharkan, dan Allah menyeru hamba-hamba-Nya untuk beribadah pada waktu-waktu tersebut. Solat tersebut bukanlah dilakukan dengan tujuan agar matahari atau bulan muncul semula, kerana kedua-dua kejadian ini telah diketahui dengan tepat oleh ahli astronomi.

Demikian pula, musim kemarau merupakan masa untuk menunaikan solat *istisqa'* dan kedatangan bencana serta

perkara-perkara yang memudaratkan adalah waktu-waktu untuk melakukan beberapa doa tertentu. Hal ini kerana pada ketika itu, manusia menyedari tentang kelemahan dirinya, lalu mencari perlindungan dengan melakukan doa dan *bertadharru'* (merendahkan diri) kepada Tuhan Yang Maha Berkuasa. Namun jika Allah SWT tidak menghilangkan bala bencana tersebut meskipun banyak doa telah dipanjatkan, maka kita tidak boleh mengatakan bahawa doa tersebut tidak dikabulkan. Sebaliknya, harus dikatakan bahawa waktu berdoa belum berakhir. Sekiranya Allah SWT, dengan rahmat dan kemurahan-Nya, menghilangkan bencana itu; maka ia merupakan seumpama cahaya di atas cahaya (*nur a'la nur)*. Maka pada saat itu, waktu berdoa telah berakhir, dan ketetapan Allah SWT pun terlaksana. Hal ini menunjukkan bahawa doa merupakan salah satu daripada rahsia ubudiyyah.

Ibadah hendaklah dilakukan dengan penuh keikhlasan semata-mata kerana Allah SWT. Seseorang itu perlulah memohon perlindungan Tuhannya dengan melakukan doa dan menzahirkan kelemahannya. Dia tidak boleh campur tangan dalam urusan kekuasaan-Nya dan harus menyerahkan segala-galanya kepada hikmah Allah SWT. Dia juga tidak boleh menyalahkan rahmat-Nya.

Ya! Hakikatnya, apa yang dinyatakan oleh ayat-ayat al-Quran adalah terang dan jelas: Seluruh *maujudat* (segala yang wujud) sentiasa bertasbih dengan tasbih yang khusus, beribadah dengan ibadah yang tertentu dan bersujud dengan sujud yang tersendiri. Seluruh alam semesta ini berada dalam keadaan berdoa yang ditujukan ke hadrat Ilahi. Kesemua doa ini boleh berlaku sama ada melalui lisan keupayaan makhluk, seperti doa tumbuh-tumbuhan yang memohon pelbagai

bentuk daripada Dia Yang Maha Pemberi untuk memaparkan dan memanifestasikan nama-nama-Nya. Selain itu, doa juga boleh berlaku melalui lisan keperluan fitrah makhluk-makhluk tersebut. Ia adalah doa yang dipanjatkan oleh semua makhluk bernyawa untuk keperluan asas mereka yang berada di luar kemampuan mereka untuk mencapainya. Melalui lidah inilah, segala makhluk yang bernyawa memohon perkara-perkara tertentu daripada Dia Yang Maha Pemurah untuk kelangsungan hidup mereka, contohnya adalah seperti rezeki yang diperlukannya. Atau, doa juga boleh berlaku melalui lisan keperluan yang mendesak, di mana semua makhluk yang memiliki roh yang mendapati diri mereka berada dalam keadaan kesulitan, dengan itu berdoa dan mencari perlindungan yang terdesak kepada pelindung yang tidak diketahui. Sesungguhnya mereka memanjatkan permohonan kepada Pemelihara Yang Maha Mengasihani. Ketiga-tiga jenis doa ini selalunya dimakbulkan jika tidak ada apa-apa halangan.

Jenis doa yang keempat pula adalah doa yang paling dikenali iaitu doa yang biasa kita lakukan. Ia juga terbahagi kepada dua bahagian:

Yang pertama: Doa yang berbentuk aktif dan mengikut keadaan.

Jenis yang kedua: Doa yang berbentuk lisan dan yang dipanjatkan melalui hati.

Sebagai contoh, memenuhi keperluan asbab adalah satu bentuk doa yang aktif. Mengumpulkan segala asbab itu bukanlah untuk menghasilkan akibat, tetapi ia adalah satu bentuk lisanul hal (bahasa melalui keadaan) bagi mendapatkan hasilnya daripada Allah Yang Maha Kuasa. Bahkan, pembajakan yang

kita lakukan ke atas sebuah ladang adalah sebagai suatu usaha mengetuk pintu khazanah rahmat Ilahi. Memandangkan doa dengan tindakan ini ditujukan kepada nama dan gelaran bagi Dia Yang Maha Pemurah, maka, peluang penerimaannya adalah sangat besar dalam banyak keadaan.

Jenis doa yang kedua pula adalah memanjatkan doa dalam bentuk lisan dan hati, iaitu memohon sesuatu yang di luar jangkauannya. Aspek terpenting, tujuan terindah, dan buah termanis daripada doa ini adalah: "*Seseorang yang berdoa itu menyedari bahawa ada suatu Zat yang mendengar segala isi hatinya, berkuasa atas segala sesuatu, dapat memenuhi setiap keinginannya, mengasihani kelemahannya, dan dapat membantu kefakirannya.*"

Maka, wahai manusia yang lemah lagi fakir! Janganlah abaikan wasilah doa, yang merupakan kunci kepada khazanah rahmat dan sumber kekuatan yang tidak terbatas ini. Genggamlah ia seerat-eratnya, dan capailah puncak tertinggi darjat kemuliaan manusia! Seperti seorang sultan, sertakanlah dalam doamu seluruh doa makhluk alam semesta. Sebagai seorang hamba yang mewakili seluruh alam semesta, ucapkanlah:

وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ

Hanya kepada Engkau kami memohon pertolongan. (Surah al-Fatihah: 5)

Maka, jadilah sebaik-baik makhluk di alam semesta ini!

BAB KEDUA

Bab ini terdiri daripada lima noktah utama yang berkaitan dengan kebahagiaan dan kesengsaraan manusia.

[Memandangkan manusia telah diciptakan dalam bentuk yang paling sempurna dan juga diberikan kemampuan yang paling komprehensif, maka dia telah dilemparkan ke dalam suatu medan percubaan dan ujian. Dalam medan ini, dia boleh naik atau terjatuh, dari pangkat, martabat, darjat dan maqam *asfala safilin* (peringkat yang paling rendah) kepada *a'la illiyyin* (peringkat yang paling tinggi), dari bumi hingga ke arasy Ilahi, dan dari sekecil- kecil zarah hingga ke sebesar-besar matahari. Manusia telah dihantar ke dunia ini sebagai suatu mukjizat kekuasaan Ilahi, hasil penciptaan dan keajaiban karya seni-Nya, di mana dua buah jalan telah terbentang di hadapannya, yang akan membawanya sama ada kepada kenaikan atau kejatuhan yang tidak terbatas. Kami akan menjelaskan rahsia kemajuan dan kemerosotan manusia yang menakjubkan ini dalam lima 'Noktah'.]

Noktah Pertama

Manusia bergantung kepada kebanyakan jenis makhluk di alam semesta dan terkait dengannya. Keperluannya tersebar luas ke seluruh pelosok alam, dan keinginannya menjangkau hingga keabadian. Sepertimana dia menginginkan sekuntum bunga, dia juga menginginkan seluruh musim bunga.

Sepertimana dia mendambakan sebuah taman, ia juga mendambakan Jannah (Syurga) yang kekal abadi. Sepertimana dia merindui untuk melihat seorang teman, dia juga merindui untuk melihat Tuhannya Yang Maha Indah lagi Maha Agung. Sama seperti dia memerlukan kunci untuk membuka pintu rumah seorang kekasih bagi membolehkannya mengunjungi kekasihnya yang tinggal di tempat lain, maka begitu juga dia perlu mencari perlindungan daripada Tuhannya Yang Maha Kuasa untuk mengunjungi sembilan puluh sembilan peratus daripada rakan-rakannya yang telah berpindah ke alam barzakh dan dengan itu terselamat daripada perpisahan yang kekal abadi. Hal ini kerana Allah SWT yang akan menutup pintu dunia yang luas ini dan membuka pintu akhirat, yang dipenuhi dengan keajaiban dan keagungan, untuk menggantikan dunia dengan akhirat.

Dalam keadaan ini, hanya Zat yang mengendalikan segala sesuatu, yang memiliki khazanah segala-galanya, yang Maha Melihat segala sesuatu, yang tidak terikat oleh ruang, yang suci daripada kelemahan, yang terlepas daripada segala kecacatan, yang jauh daripada segala kekurangan, dengan sifat-sifat-Nya Yang Maha Kuasa lagi Maha Agung, Yang Maha Pengasih lagi Maha Indah dan Yang Maha Bijaksana lagi Maha Sempurna, sahajalah yang berhak disembah oleh manusia. Hal ini kerana hanya Dia yang memiliki kekuasaan yang tidak terbatas dan ilmu yang meliputi segala sesuatu dapat memenuhi keperluan manusia yang tidak terbatas. Oleh itu, hanya Dialah yang layak disembah.

Wahai manusia! Jika anda hanya menyembah-Nya, anda akan memperoleh kedudukan yang lebih tinggi daripada sekalian makhluk. Namun, jika anda enggan untuk menjadi

hamba kepada-Nya, anda akan menjadi hamba yang hina kepada makhluk-makhluk yang lemah. Jika anda bergantung kepada ego dan kekuatan anda sendiri, meninggalkan tawakal dan doa, serta terjerumus ke dalam sikap takbur dan kesombongan, maka pada masa itu, anda akan jatuh ke tahap yang lebih rendah daripada semut atau lebah dalam hal kebaikan dan penciptaan, serta menjadi lebih lemah daripada labah-labah atau lalat. Manakala, dalam hal kejahatan dan kemusnahan pula, anda akan menjadi lebih dahsyat kesannya daripada sebuah gunung, dan lebih berbahaya daripada wabak penyakit.

Wahai manusia! Anda memiliki dua aspek kehidupan. Aspek pertama adalah mengenai penciptaan, kewujudan, kebaikan, keaktifan dan kepositifannya. Manakala aspek yang kedua adalah berhubung dengan kehancuran, ketiadaan, kejahatan, kepasifan dan kenegatifannya. Dalam aspek yang pertama, anda adalah lebih rendah daripada seekor lebah atau burung pipit, bahkan lebih lemah daripada seekor labah-labah ataupun lalat. Manakala dalam aspek yang kedua, anda melebihi gunung-ganang, bumi dan langit dalam memikul beban yang mana kesemua mereka mengakui ketidakmampuan dan merasa takut untuk memikulnya. Anda memiliki tanggungjawab yang jauh lebih luas dan besar daripada mereka. Hal ini kerana apabila anda membuat sesuatu perkara dan melakukan kebaikan, anda hanya dapat melakukannya sebatas kemampuan dan kekuatan anda sendiri, serta sejauh mana tangan anda dapat menjangkaunya. Sebaliknya, apabila anda melakukan kejahatan dan kemusnahan, kesan buruknya akan membesar dan tersebar luas.

Sebagai contoh, kekufuran adalah suatu kejahatan,

kemusnahan dan penolakan penyaksian terhadap Tuhannya. Namun, kejahatan yang satu ini meliputi penghinaan terhadap seluruh alam semesta, meremehkan semua asma (nama-nama) Ilahi dan menghina kemanusiaan seluruhnya. Hal ini kerana segala yang wujud di alam semesta ini memiliki darjat yang tinggi serta tugasan-tugasan yang penting; mereka semua merupakan utusan Rabbani, cerminan keagungan-Nya dan pegawai-pegawai-Nya. Namun, kekufuran akan menyingkirkan semua darjat mereka yang tinggi ini menjadi mainan kesia-siaan dan 'kebetulan', serta merendahkan mereka ke tahap bahan fana yang cepat rosak. Melalui kematian dan perpisahan pula, mereka akan jatuh ke tahap yang tidak penting, tidak bernilai dan menuju ketiadaan. Selain itu, kekufuran juga akan menghina segala asma Ilahi, ukiran, manifestasi dan keindahan yang dapat dilihat di seluruh alam semesta dan juga pada cerminan sekalian *maujud* (makhluk yang wujud). Kekufuran juga merendahkan manusia, yang memegang darjat sebagai khalifah di muka bumi, ke kedudukan yang lebih rendah, lebih lemah, lebih tidak berdaya dan lebih memerlukan daripada haiwan yang paling rendah kedudukannya. Hal ini kerana manusia itu adalah seumpama sebuah syair hikmah yang tersusun dengan indah, mengisytiharkan segala manifestasi asma Tuhannya yang suci, dan juga merupakan mukjizat Ilahi yang nyata, seumpama biji benih yang mengandungi semua bahagian sebatang pokok abadi. Dengan memikul amanah terbesar ini, manusia dapat naik ke darjat yang lebih tinggi daripada gunung-ganang, bumi dan langit, dengan mencapai keunggulan melebihi para malaikat. Namun, kekufuran akan menjatuhkannya ke tahap menjadi sekadar sebuah papan tanda yang biasa, yang tidak

bermakna, membingungkan dan cepat mereput.

Kesimpulan:

Dalam hal kemusnahan dan kejahatan, nafsu ammarah[1] dapat melakukan kemusnahan dan kejahatan yang tidak terbatas, namun dalam hal penciptaan dan kebaikan, kekuatannya sangat lemah dan terhad. Ya, seseorang itu mungkin dapat menghancurkan sebuah rumah dalam masa satu hari, tetapi tidak mampu membinanya dalam masa seratus hari. Akan tetapi, jika jiwa seseorang itu meninggalkan egonya dan mencari kebaikan dan kewujudan daripada pertolongan Ilahi, meninggalkan kejahatan yang boleh mengakibatkan kemusnahan, serta meninggalkan pergantungan pada dirinya sendiri, lalu memohon pengampunan dengan menjadi hamba-Nya yang sejati, maka, dia akan memanifestasikan makna ayat al-Quran berikut:

يُبَدِّلُ اللَّهُ سَيِّئَاتِهِمْ حَسَنَاتٍ

Allah akan menggantikan (pada tempat) kejahatan mereka dengan kebaikan. (Surah al- Furqaan: 70)

Kemampuannya yang tidak terbatas untuk melakukan kejahatan akan berubah menjadi kemampuan yang tidak terbatas untuk melakukan kebaikan. Dia akan mencapai nilai *ahsani taqwim* (sebaik-baik kejadian) dan naik kepada darjat yang setinggi-tingginya.

Wahai manusia yang lalai! Lihatlah kepemurahan dan kebaikan Tuhan Yang Maha Kuasa! Meskipun adil bagi-Nya

1. Nafsu yang mendorong manusia kepada kejahatan.

untuk mencatat satu kejahatan sebagai seribu dan satu kebaikan sebagai satu atau tidak mencatatkannya sama sekali; namun, dengan keagungan-Nya, Dia mencatat satu kejahatan sebagai satu, manakala satu kebaikan sebagai sepuluh. Adakalanya Dia mencatat satu kebaikan itu sebagai tujuh puluh, tujuh ratus atau bahkan tujuh ribu nilai kebaikannya. Maka dari Noktah Pertama ini, anda akan memahami bahawa untuk dimasukkan ke dalam neraka yang sangat mengerikan itu adalah suatu pembalasan atas perbuatan yang anda lakukan dan merupakan keadilan yang nyata. Manakala, memasuki syurga pula adalah semata-mata atas kurniaan Ilahi.

Noktah Kedua

Manusia memiliki dua aspek kehidupan: aspek pertama adalah berkaitan dengan keakuannya (*ananiyah*), yang mengarah kepada kehidupannya di dunia ini, manakala aspek kedua pula adalah berkaitan dengan ubudiyyah dan pengabdian kepada Allah, yang mana mengarah kepada kehidupan akhiratnya yang abadi. Dalam hal aspek yang pertama, manusia itu merupakan suatu makhluk yang sangat malang, yang mana modalnya hanya terdiri daripada beberapa perkara berikut: pertama, kehendaknya, yang mana dirinya hanya memiliki sebahagian kecil kemampuan memilih dengan kekuatan seumpama sehelai rambut. Kedua, kekuasaannya, yang mana dia hanya memiliki kemampuan yang lemah. Ketiga, jangka hayatnya, yang mana ia adalah seumpama nyalaan api yang cepat terpadam di mana umurnya merupakan waktu yang sangat singkat dan cepat berlalu. Akhirnya, keempat adalah kewujudannya, yang mana ia hanyalah merupakan suatu jasad kecil yang cepat mereput. Dengan semua aspeknya ini, manusia adalah suatu individu yang rapuh dan lemah di antara

individu yang tidak terhitung jumlahnya dalam kalangan pelbagai jenis makhluk yang tidak terbatas bilangannya yang tersebar di seluruh pelosok alam semesta.

Manakala dalam hal aspek yang kedua pula, khususnya dalam hal kelemahan dan kefakirannya, yang mengarah kepada ubudiyyahnya, manusia mempunyai ruang lingkup yang sangat luas dan kepentingan yang sangat besar. Hal ini demikian kerana, Pencipta Yang Maha Bijaksana telah memasukkan dalam diri manusia kelemahan dan kefakiran yang tidak terbatas. Maka dengan itu, dia dapat menjadi suatu cerminan yang menyeluruh yang mengandungi segala manifestasi yang tidak terhingga bagi *al-Qadir ar-Rahim* (Dia Yang Maha Kuasa lagi Maha Penyayang), yang memiliki kekuatan yang tidak terbatas, dan *al-Karim al-Ghani* (Yang Maha Pemurah lagi Maha Kaya), yang memiliki kekayaan yang tidak terbatas.

Sesungguhnya manusia itu seumpama sebutir biji benih. Biji benih ini telah diberikan peralatan maknawi yang penting daripada kekuasaan-Nya dan program yang halus dan bernilai oleh takdir Ilahi, agar ia dapat bekerja di bawah tanah, lalu muncul keluar daripada dunianya yang sempit itu, memasuki udara dunia yang luas, dan dengan lidah kemampuannya, ia memohon kepada Penciptanya untuk menjadi sebatang pokok, dan dengan ini, ia mencapai kesempurnaan yang layak baginya. Namun, sekiranya sifat biji benih itu buruk, ia akan menggunakan segala peralatan maknawi yang diberikan kepadanya untuk menarik bahan-bahan berbahaya yang terkandung di bawah permukaan tanah. Dalam masa yang singkat, ia akan mula membusuk dan mereput tanpa sebarang manfaat. Sebaliknya pula, seperti ayat al-Quran di bawah, jika

biji benih itu tunduk pada perintah dalam penciptaannya:

فَالِقُ الْحَبِّ وَالنَّوَى ۔

Sesungguhnya Allah menumbuhkan butir tumbuh-tumbuhan dan biji buah-buahan, (Surah al-An'aam: 95)

Lalu, ia menggunakan dengan baik segala peralatan maknawinya, maka ia akan keluar daripada dunia yang sempit itu, tumbuh menjadi sebuah pohon besar yang berbuah. Maka, keadaannya yang kecil dan khusus bersama rohnya pada peringkat awal akan mengambil bentuk suatu hakikat yang universal.

Begitu juga dengan diri manusia, yang telah dianugerahi peralatan yang penting dan program yang bernilai daripada kekuasaan dan takdir Ilahi. Jika manusia itu menggunakan peralatan maknawinya untuk memenuhi keinginan hawa nafsu dan menikmati kesenangan yang sedikit dalam kehidupan duniawinya yang sempit, maka dia akan mereput dan hancur di tengah-tengah kesusahan hidup yang singkat ini, seumpama biji benih yang mereput di tanah. Dengan ini, dia akan membebankan tanggungjawab berat pada jiwanya yang malang sebelum meninggalkan dunia ini.

Namun, sekiranya dia menyuburkan biji benih kemampuannya dengan siraman air keislaman[2] dan cahaya keimanan, di bawah tanah, dengan penghambaan dan kepatuhan kepada Allah, serta mematuhi segala perintah al-Quran dan mengarahkan keupayaannya ke arah tujuan-tujuan

2. Air keislaman merujuk kepada ajaran dan amalan Islam yang memberi kehidupan dan kekuatan pada jiwa dan iman seseorang. (Tarbiyah)

yang hakiki, sudah tentu ia akan menumbuhkan dahan dan tunas di Alam Misal[3] dan Alam Barzakh. Dia akan menjadi biji benih yang sangat berharga dan sebuah mesin yang bersinar yang mengandungi segala anggota pohon abadi dengan hakikat kebenaran yang kekal, yang akan menjadi perantara kepada pelbagai kesempurnaan dan kenikmatan yang tidak terhingga di Alam Akhirat dan di Syurga nanti. Dia juga akan menjadi seumpama buah yang diberkati dan bercahaya daripada pohon alam semesta.

Ya, hakikat kemajuan sebenarnya adalah untuk mengarahkan hati, roh, akal dan bahkan juga imaginasi dan segala fakulti halus lain yang diberikan kepada manusia, untuk kehidupannya yang abadi, agar setiap satunya disibukkan dengan tugas pengabdian khusus yang layak bagi mereka. Kemajuan bukanlah seperti yang dibayangkan oleh ahli *ad-dolalat* (mereka yang tersesat), iaitu untuk menjerumuskan diri dalam semua selok-belok kehidupan duniawi hingga ke sekecil-kecil perkara, untuk merasai setiap jenis kenikmatan, sehingga pada perkara-perkara yang paling rendah nilainya, menjadikan semua fakulti, hati dan akal tunduk dan menyokong nafsu ammarah[4]. Hal ini bukanlah merupakan suatu kemajuan, tetapi adalah suatu kemunduran. Aku telah melihat hakikat ini dalam suatu imaginasi, yang mana dijelaskan dalam perumpamaan berikut:

Pada suatu ketika, aku sedang memasuki sebuah kota yang

3. Satu dimensi atau alam perantaraan antara alam spiritual (alam roh) dan alam fizikal (alam syahadah).
4. Nafsu yang mendorong manusia kepada kejahatan.

besar dan melihat bahawa di dalamnya dipenuhi dengan istana-istana yang megah. Di pintu beberapa buah istana itu, terdapat satu festival seumpama sebuah teater yang bergemerlapan. Festival itu telah menarik perhatian semua yang hadir, serta menghiburkan mereka. Aku melihat dengan teliti lalu aku dapati bahawa pemilik istana tersebut telah mendatangi pintu istana; dia sedang bermain dengan seekor anjing dan turut berseronok dengannya. Para wanita di festival itu berbicara manis dengan pemuda-pemuda asing sementara para gadisnya yang sudah dewasa sedang mengurus permainan seumpama kanak-kanak. Penjaga pintu pula mengambil peranan mengarahkan para pengunjung yang lain. Pada saat itu, aku mendapati dan menyedari bahawa bahagian dalam istana yang besar itu sebenarnya adalah kosong dan segala tugas yang mulia dan terhormat telah diabaikan. Akhlak kesemua penghuninya telah runtuh sehingga mereka telah melakukan segala tugasan mereka di pintu luar istana tersebut.

Setelah itu, aku berlalu pergi hingga tiba di sebuah istana besar yang lain. Aku melihat seekor anjing yang setia sedang terbaring di pintu dan seorang penjaga pintu yang tegas dan pendiam dengan penampilan yang biasa. Aku tertanya-tanya: "*Mengapa suasana istana yang pertama tadi sebegitu, sementara suasana istana ini pula berbeza?*" Lalu aku masuk ke dalam istana tersebut. Kemudian aku mendapati bahawa bahagian dalam istana itu sungguh meriah. Di setiap tingkat, para penghuni istana tersebut sibuk dengan pelbagai tugas mereka yang tinggi nilainya dan mulia. Di tingkat yang pertama, para lelakinya sedang mengawasi pentadbiran dan pengelolaan istana. Di tingkat atasnya, kanak-kanak sedang belajar. Di tingkat atasnya lagi, para wanitanya sibuk dengan

seni kraf tangan halus dan sulaman yang indah. Seterusnya, di tingkat yang paling atas, penjaga istana sedang berkomunikasi dengan raja dan sibuk dengan tugas-tugasnya yang mulia dan terhormat untuk memastikan keamanan dan ketenangan rakyat, serta kesempurnaan dan kemajuan dirinya sendiri. Mereka tidak menghalangiku kerana aku tidak terlihat oleh mereka, dan aku bebas berjalan-jalan mengelilingi istana. Setelah itu, aku keluar dan mengamati suasana di sekitar kota, dan mendapati bahawa kesemua tempat di kota itu terdapat dua jenis istana seperti itu. Aku bertanya tentang hal ini dan mereka memberitahuku: "*Istana-istana yang mana pintunya penuh dengan kemeriahan tetapi kosong di dalamnya adalah milik para pemimpin kafir dan orang-orang yang sesat. Manakala, jenis istana yang kedua pula adalah milik orang-orang Islam yang mulia.*" Kemudian, di suatu sudut yang lain, aku menemui sebuah istana yang mana tertulis padanya namaku, SAID. Aku berasa hairan. Aku memerhatikannya dengan lebih dekat dan seolah-olah aku melihat wajahku padanya. Aku menjerit lalu tersedar daripada imaginasiku.

Maka sekarang, aku akan mentafsirkan hakikat imaginasi ini kepada anda. Semoga Allah memberikan kebaikan hasil daripada pentafsirannya.

Kota itu merupakan kehidupan sosial manusia dan sebuah bandar peradabannya. Setiap istana itu pula melambangkan seorang manusia. Para penghuninya adalah fakulti-fakulti halus pada tubuh manusia seperti mata, telinga, hati, batinnya, roh, akal serta perkara-perkara seperti jiwa, hawa nafsu, kekuatan syahwat dan sifat marah dalam dirinya. Setiap fakulti halus manusia ini memiliki tugas-tugas pengabdian yang berbeza, juga memiliki kenikmatan dan kesengsaraan

yang berbeza. Manakala hawa nafsu, kekuatan syahwat dan sifat marah adalah seumpama penjaga pintu dan anjing. Maka, menundukkan semua anggota halus yang tinggi ini kepada hawa nafsu dan membuatkannya lupa akan tugas-tugas hakikinya sudah pasti adalah suatu kemunduran, bukanlah kemajuan. Selanjutnya, anda boleh tafsirkan sendiri aspek-aspeknya yang lain daripada imaginasiku ini.

Noktah Ketiga

Manusia, dalam hal perbuatan, amal, dan usaha duniawinya, merupakan suatu makhluk yang lemah dan tidak berdaya. Ruang lingkup penguasaan dan pemilikannya dalam hal ini adalah sangat terbatas, sehingga dia hanya boleh mencapai apa yang berada dalam jangkauan tangannya sahaja. Bahkan, haiwan ternakan yang mana pengendaliannya telah diberikan kepada manusia, turut mengambil sebahagian kelemahan, ketidakberdayaan dan kemalasannya, sehinggakan apabila haiwan-haiwan ini dibandingkan dengan rakan-rakan mereka yang liar, perbezaan yang besar akan terlihat. (Seperti kambing dan lembu ternak dibandingkan dengan kambing dan lembu liar). Akan tetapi, dalam hal-hal yang pasif, apa-apa yang diterimanya, apa-apa yang dipohonnya dan apa-apa yang dihajatinya, manusia itu merupakan seorang pengembara yang dimuliakan di dunia ini. Manusia merupakan tetamu bagi Tuhan Yang Maha Pemurah, sehinggakan dibukakan kepadanya khazanah rahmat yang tidak terbatas, dan ditundukkan baginya makhluk-makhluk serta para pelayan yang tidak terhitung jumlahnya. Tuhannya juga telah menyediakan suatu sfera yang begitu besar sebagai tempat rekreasi, hiburan dan manfaat, hinggakan separuh diameternya dapat dicapai oleh imaginasi manusia.

Sekiranya manusia bergantung pada egonya, menjadikan kehidupan dunia ini sebagai tujuan utama, berusaha dan berhempas-pulas untuk memperoleh kenikmatan duniawi yang sementara, maka dia akan tenggelam ke dalam lingkaran yang sangat sempit, dan seterusnya pergi meninggalkannya. Semua anggota tubuh badan, sistem, dan fakultinya yang halus, yang telah dianugerahkan kepadanya akan menjadi saksi terhadapnya pada hari kebangkitan serta akan menuntut hak mereka daripadanya. Sebaliknya, jika dia menyedari dirinya sebagai seorang tetamu dan membelanjakan modal hidupnya dalam lingkungan keizinan Tuhannya Yang Maha Pemurah, dia akan berusaha untuk mencapai kehidupan abadi yang sangat luas, seterusnya dia akan dapat berehat dan bersenang-lenang. Akhirnya, dia mampu untuk naik menuju ke *maqam a'la illiyyin* (peringkat yang paling tinggi).

Selain itu, semua organ, anggota dan sistem yang diberikan kepadanya akan turut bergembira bersamanya dan bersaksi memihak kepadanya pada hari akhirat. Sesungguhnya, semua fakulti luar biasa yang diberikan kepada manusia itu bukanlah untuk kehidupan duniawi yang sangat singkat ini, sebaliknya ia diberikan untuk suatu kehidupan abadi yang sangat penting. Hal ini kerana jika kita bandingkan manusia dengan haiwan, kita akan dapati bahawa manusia adalah seratus kali ganda lebih kaya dalam hal segala fakulti dan anggota tubuhnya. Namun, dalam hal memperoleh kenikmatan kehidupan duniawi dan kenikmatan kehidupan kehaiwanan, manusia itu jatuh seratus kali ganda lebih rendah berbanding haiwan, kerana setiap kenikmatan yang diterimanya akan meninggalkan jejak kesakitan pada dirinya. Kesengsaraan masa lalu, ketakutan terhadap masa hadapan dan kesedihan akibat kehilangan

setiap kenikmatan itu akan mengganggu kegembiraannya dan meninggalkan kesan pada kenikmatan tersebut. Sebaliknya, haiwan tidak sedemikian. Mereka menerima kesenangan tanpa adanya kesakitan. Mereka menikmatinya tanpa adanya kesedihan. Kesedihan masa lalu tidak menyebabkan mereka menderita manakala ketakutan terhadap masa hadapan juga tidak meresahkan mereka. Mereka hidup dalam keadaan tenang, kerehatan dan kesyukuran kepada Pencipta mereka.

Maka, manusia yang mana diciptakan dalam bentuk sebaik-baik kejadian (*ahsani taqwim*), jika dia menyempitkan fikirannya hanya untuk kehidupan duniawi ini; dia akan jatuh seratus kali ganda lebih rendah daripada seekor burung pipit, walaupun dia memiliki modal seratus kali ganda lebih tinggi daripada semua makhluk haiwan. Aku telah menjelaskan hakikat ini pada bahagian lain dengan menggunakan suatu perbandingan. Memandangkan ia berkaitan di sini, maka aku akan mengulangi perbandingan itu. Ia adalah seperti berikut:

Seorang lelaki telah memberikan sepuluh keping emas kepada salah seorang hambanya dan menyuruhnya mendapatkan satu sut pakaian yang diperbuat daripada jenis kain yang tertentu. Manakala, untuk hambanya yang kedua pula, lelaki itu memberikannya seribu keping emas dan memasukkan sekeping nota yang tertulis padanya beberapa perkara ke dalam poket hamba tersebut, lalu mengirimnya ke pasar. Hamba pertama tadi telah membeli satu sut pakaian yang sempurna, diperbuat daripada kain yang terbaik dengan sepuluh keping emas yang diberikan. Manakala, hamba yang kedua pula tidak menggunakan akalnya, dengan hanya melihat hamba yang pertama itu dan tanpa membaca nota di dalam poketnya, dia telah memberikan seribu keping emas

tadi kepada seorang penjual dan meminta satu sut pakaian. Lalu, penjual yang tidak jujur telah memberikannya satu sut pakaian yang diperbuat daripada kain yang sangat buruk kualitinya. Setelah itu, hamba yang malang tersebut kembali kepada tuannya lalu menerima teguran yang sangat keras dan hukuman yang sangat berat.

Sesiapa yang memiliki kemampuan akal yang paling rendah sekalipun akan memahami bahawa seribu keping emas yang diberikan kepada hamba yang kedua tadi bukanlah untuk membeli satu sut pakaian. Sebaliknya, ia adalah untuk suatu perdagangan yang penting.

Begitu juga dengan manusia, setiap anggota maknawi dan fakulti halus yang terdapat pada dirinya mampu berkembang hingga seratus kali ganda lebih hebat berbanding haiwan. Sebagai contoh, renungkanlah akan anugerah segala fakulti dan anggota tubuh manusia, seperti mata yang mana dapat membezakan semua tahap keindahan, deria rasanya, yang mana dapat membezakan segala jenis rasa pada makanan, akalnya, yang mana dapat menembusi segala kehalusan realiti, dan hatinya, yang mana mendambakan segala bentuk kesempurnaan; lalu, bandingkanlah pula kesemuanya ini dengan segala anggota haiwan yang sangat sederhana yang mana hanya berkembang pada satu atau dua sudut sahaja, dan perkembangannya itupun hanyalah bersifat khusus.

Kekayaan manusia dari segala fakultinya adalah kerana akal fikiran, yang menyebabkan segala deria dan perasaannya telah berkembang dan membentuk dengan sangat sempurna. Selain itu, pelbagai emosi telah muncul disebabkan kepelbagaian keperluannya serta segala derianya mempunyai kehendak

yang tidak terbatas. Selanjutnya, disebabkan fitrah manusia itu yang bersifat komprehensif, keinginannya mengarah kepada matlamat yang banyak. Oleh kerana manusia itu mempunyai banyak tugas fitrahnya, segala anggota dan fakultinya telah berkembang dengan sangat luas. Akhirnya, memandangkan dirinya diciptakan dengan fitrah yang mampu melakukan segala jenis ibadah, dia telah diberi kemampuan merangkumi benih segala kesempurnaan dalam beribadah.

Maka, sudah tentu segala kekayaan fakulti dan limpahan modal ini tidak diberikan untuk memperoleh kehidupan duniawi yang sementara ini. Sebaliknya, tugas manusia yang hakiki adalah untuk melaksanakan tanggungjawabnya yang mengarah kepada matlamatnya yang tidak terhitung, mengakui kelemahan, kefakiran dan ketidaksempurnaannya melalui pengabdian, serta memerhatikan *tasbih* (pujian) sekalian makhluk yang wujud dengan pandangan yang universal sebagai penyaksiannya terhadap mereka. Selain itu, tugasnya adalah melihat segala nikmat dalam setiap bantuan Tuhan Yang Maha Pengasih, untuk menyatakan kesyukuran kepada-Nya dan mengamati keajaiban kekuasaan-Nya pada segala ciptaan-Nya serta bertafakur, bahawa pada segalanya terkandung pelajaran yang dapat diambil.

Wahai manusia yang menyembah dunia, mencintai kehidupan duniawi serta lalai terhadap makna '*ahsani taqwim*' (sebaik-baik kejadian)! Said Lama telah melihat hakikat kehidupan duniawi ini dalam suatu imaginasi. Dengarkanlah tamsil ini yang mana telah mengubahnya menjadi Said Baru. Ia adalah seperti berikut:

Aku telah melihat bahawa diriku adalah seorang pengembara

yang sedang menempuh suatu perjalanan yang panjang, atau dengan kata lain, aku sedang dihantar untuk suatu tugasan. Tuan yang menghantarku telah memberiku sebahagian daripada enam puluh keping emas yang diperuntukkan untukku secara berperingkat. Aku pun membelanjakannya, dan telah pergi ke sebuah rumah penginapan yang menawarkan segala jenis hiburan. Dalam masa satu malam sahaja, aku telah membelanjakan sepuluh keping emas untuk berjudi, berhibur dan mengejar kemasyhuran. Pada keesokan paginya, aku sudah kehabisan wang. Tambahan pula, aku tidak melakukan sebarang perniagaan atau membeli apa-apa barangan untuk perjalanan ke tempat yang aku ingin tuju itu. Apa yang masih tersisa padaku daripada wang tersebut hanyalah dosa, kesakitan, luka dan penyesalan daripada segala hiburan yang telah berlalu. Dalam keadaan yang malang itu, tiba-tiba muncul seorang lelaki. Lelaki itu berkata kepadaku:

"*Kamu telah mensia-siakan semua modalmu dan layak untuk dihukum. Kamu akan pergi ke destinasi kamu dalam keadaan muflis dan tangan kosong. Namun, jika kamu mempunyai akal, pintu taubat masih lagi terbuka. Selepas ini, apabila kamu menerima lima belas keping emas yang berbaki itu, simpanlah separuh daripadanya. Maksudnya, dapatkanlah segala barang yang diperlukan untuk ke destinasimu.*"

Aku mendapati bahawa nafsuku tidak bersetuju dalam hal ini.

Kemudian, lelaki itu berkata: "*Jikalau begitu, maka simpanlah satu pertiga.*"

Nafsuku tetap tidak patuh juga akannya.

Lelaki itu berkata lagi: "*Jikalau begitu, simpanlah satu perempat.*"

Nafsuku masih lagi tidak dapat meninggalkan tabiat yang telah menjadi ketagihannya, lalu lelaki tersebut berpaling dengan marah dan pergi daripadaku.

Tiba-tiba, keadaan menjadi berubah. Aku melihat diriku berada di dalam sebuah kereta api yang sedang bergerak pantas melalui sebuah terowong, seolah-olah ia sedang jatuh secara menegak. Aku menjadi ketakutan. Namun, aku tidak mampu berbuat apa-apa, kerana tiada jalan untuk melarikan diri. Anehnya, di kedua-dua sisi kereta api itu kelihatan bunga-bungaan yang sangat menarik dan buah-buahan yang lazat. Dalam keadaan seperti seorang yang tidak berakal dan tidak berpengalaman, aku melihat ke arah semua itu, lalu menghulurkan tangan dan berusaha memetiknya. Namun, semua buah-buahan dan bunga-bungaan itu dipenuhi duri. Ia menusuk dan melukai tanganku hingga berdarah ketika aku memetiknya. Dengan pergerakan pantas kereta api, tanganku terobek saat terpisah dari bunga-bungaan dan buah-buahan itu, mengakibatkan kerugian yang besar padaku. Tiba-tiba, seorang porter di dalam kereta api tersebut berkata:

"*Berikan aku lima ringgit, dan aku akan memberikanmu sebanyak mana bunga-bungaan dan buah-buahan yang kamu mahu. Kamu telah kerugian seratus ringgit dengan tangan kamu terkoyak, daripada sekadar lima ringgit. Kamu juga akan dikenakan hukuman, iaitu kamu tidak dibenarkan memetiknya tanpa izin.*"

Dalam keadaan cemas, aku mengeluarkan kepalaku ke luar tingkap untuk melihat bila terowong itu akan berakhir.

Aku melihat bahawa di hujung terowong itu terdapat banyak lubang. Ramai penumpang daripada kereta api yang panjang itu sedang dicampak ke dalam lubang-lubang tersebut. Kemudian aku terlihat ke arah satu lubang yang berada bertentangan denganku. Pada kedua-dua sisinya terdapat dua buah batu nisan. Aku melihat dengan penuh kehairanan. Aku melihat bahawa pada salah satu batu nisan tersebut tertulis nama "*Said*". Dalam kehairanan dan penyesalan, aku berteriak: "*Oh tidak!*" Tiba-tiba aku mendengar suara lelaki yang pernah menasihatiku di rumah penginapan sebelum ini. Lalu dia bertanya:

"*Adakah kamu telah sedar?*"

Aku pun menjawab: "*Ya, aku telah sedar, namun sekarang ia sudah terlambat.*"

Dia berkata: "*Bertaubat dan bertawakallah kepada Allah.*"

Aku pun menjawab: "*Aku bertaubat!*" Setelah itu, aku pun terjaga dan melihat diriku sebagai seorang "*Said Baru*", "*Said Lama*" telah pun hilang.

Maka, begitulah imaginasi tersebut. Semoga Allah menjadikan kebaikan terhasil daripadanya. Aku akan mentafsirkan satu atau dua bahagian daripadanya, selepas itu anda boleh tafsirkan yang selebihnya sendiri.

Perjalanan tersebut adalah perjalanan dari alam roh, melalui rahim ibu, masa muda, masa tua, alam kubur, alam barzakh, hari kebangkitan, dan titian sirat menuju ke alam akhirat yang abadi. Enam puluh keping emas itu adalah melambangkan umur enam puluh tahunku; ketika mengalami imaginasi tersebut, aku mengira diriku berumur empat puluh lima tahun.

Aku tidak mempunyai kepastian mengenainya, tetapi seorang murid al-Quran al-Hakim yang ikhlas telah menasihatkanku untuk menghabiskan separuh daripada lima belas tahun umurku yang berbaki untuk tujuan akhirat. Rumah penginapan itu adalah Istanbul bagiku. Kereta api itu pula melambangkan masa, dan setiap tahun adalah gerabaknya. Terowong itu pula melambangkan kehidupan dunia ini. Bunga-bungaan dan buah-buahan yang berduri itu melambangkan segala kelazatan yang diharamkan dan segala hiburan yang terlarang, yang menyebabkan kesakitan ketika membayangkan kehilangannya serta melukai hati ketika berpisah darinya, menghancurkan hati dan mendatangkan hukuman. Yang terakhir, tafsiran bagi kata-kata porter yang berkata: "*Berikan aku lima ringgit, maka aku akan berikan sebanyak mana yang kamu mahu daripadanya*" adalah: Kenikmatan dan kesenangan yang diperoleh seseorang melalui usaha yang halal dan dalam lingkungan yang dibenarkan sudah memadai untuknya. Dia tidak perlu melibatkan diri dalam perkara yang diharamkan. Anda boleh mentafsirkan yang selebihnya sendiri.

Noktah Keempat

Manusia di alam semesta ini menyerupai seorang kanak-kanak kecil yang rapuh dan lemah. Walaupun begitu, terdapat kekuatan yang besar dalam kelemahan dan kekuasaan yang hebat dalam kedaifannya. Hal ini kerana melalui kelemahan dan kedaifan itulah, semua makhluk tunduk kepadanya. Jika manusia memahami kelemahan diri dan memanjatkan doa melalui lisan, keadaan diri dan tindakannya, serta menyedari kedaifannya, lalu memohon pertolongan, maka dia akan memperoleh segala tujuan dan keinginannya dengan cara yang tidak mampu dicapai walaupun satu peratus melalui

kekuatannya sendiri. Namun, adakalanya dia tersalah anggap bahawa apa yang diperolehnya melalui doa yang dipanjatkan oleh *lisanul hal* (bahasa melalui keadaan) adalah hasil daripada kekuatan dirinya sendiri. Sebagai contoh, kekuatan dalam kelemahan seekor anak ayam mampu membuatkan ibu ayam tersebut berani menyerang seekor singa. Begitu juga, anak singa yang baru lahir mampu membuatkan ibu singa yang buas dan lapar itu tunduk kepadanya, sehinggakan singa betina itu sanggup kelaparan sementara anaknya kenyang. Lihatlah kekuatan menakjubkan yang terkandung dalam kelemahan dan manifestasi rahmat Ilahi yang patut diperhatikan ini!

Begitu juga halnya dengan seorang anak kecil, melalui tangisan, permintaan atau keadaannya yang menyedihkan, dia mampu membuatkan mereka yang kuat tunduk kepadanya, dan dengan itu, dia berjaya mendapatkan apa yang diinginkannya yang tidak mungkin diperoleh dengan seribu kali kekuatannya sekalipun. Maksudnya, kelemahan dan ketidakberdayaan si anak kecil tersebut dapat membangkitkan kasih sayang dan perlindungan terhadapnya, sehinggakan dengan jari kecilnya sahaja, dia mampu menundukkan para pahlawan. Maka, jika kanak- kanak tersebut dengan bodoh dan sombong menafikan belas kasihan dan perlindungan yang diperolehnya dengan berkata: "*Aku menundukkan kesemua ini dengan kekuatan diriku sendiri*", maka dia pasti akan menerima tamparan.

Begitu juga, jika manusia itu berkata seperti Qarun:

إِنَّمَا أُوتِيتُهُ عَلَىٰ عِلْمٍ عِندِي

(Sesungguhnya aku dikurniakan kekayaan ini disebabkan

ilmu yang ada padaku)[5], iaitu: "*Aku memperoleh semuanya ini melalui ilmu dan kekuatanku sendiri*" dengan cara yang menunjukkan ketidaksyukuran, menafikan rahmat dan kebijaksanaan Penciptanya, maka, sudah pasti dirinya layak untuk menerima azab. Maka, hal ini bermakna penguasaan, kemajuan manusia serta pencapaian peradaban, jelas telah ditundukkan kepadanya bukan melalui pemaksaan, penaklukan atau pertempuran, tetapi kerana kelemahannya. Manusia itu telah dibantu kerana ketidakberdayaannya. Kesemuanya ini telah dianugerahkan kepadanya kerana kefakirannya, diilhamkan kerana kejahilannya serta diberikan kerana keperluannya. Penguasaan yang dimilikinya bukanlah disebabkan hasil daripada kekuatan dan kekuasaan ilmu pengetahuannya, tetapi kerana belas kasihan dan rahmat Tuhan Rabbani serta hikmah-Nya yang menundukkan segala sesuatu kepada diri manusia itu. Ya, manusia yang tewas kepada makhluk kecil seperti kala jengking yang tidak bermata dan ular yang tidak berkaki, telah diberikan pakaian daripada sutera yang dihasilkan oleh ulat kecil dan diberi makan madu yang dihasilkan oleh lebah yang berbisa. Semua ini bukanlah hasil dari kekuatannya sendiri, tetapi kerana penundukan oleh Tuhan Pemelihara dan kurniaan Dia Yang Maha Penyayang, yang merupakan hasil daripada segala kelemahan dirinya.

Wahai manusia! Oleh kerana hakikat kebenaran adalah sedemikian, maka tinggalkanlah keegoan dan kesombongan anda. Dengan lisan, pohonlah pertolongan, nyatakanlah kelemahan dan kedaifanmu di hadapan keagungan Ilahi, dan dengan lidah permohonan dan doa, ungkapkanlah kefakiran

5. Surah al-Qasas: 78

dan keperluanmu. Tunjukkanlah bahawa anda andalah hamba-Nya dan katakanlah:

حَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ

Cukuplah Allah bagi kami dan Dia adalah sebaik-baik pelindung. (Surah Ali 'Imran: 173)

Seterusnya, naiklah ke darjat yang lebih tinggi.

Janganlah berkata, *"Tiada apa-apa pada diriku ini; apakah kepentingan diriku sehinggakan alam semesta ini sengaja ditundukkan kepadaku oleh Dia Yang Maha Bijaksana, dan aku diminta untuk bersyukur sepenuhnya?*" Hal ini kerana walaupun dari sudut dirimu dan rupa lahiriahmu, anda seolah-olah tiada apa-apa, namun dari sudut tugas dan kedudukan, anda merupakan seorang pemerhati yang teliti terhadap keagungan alam semesta, lidah yang fasih daripada segala makhluk yang penuh dengan hikmah, pembaca yang arif terhadap kitab alam semesta ini, penyelia yang kagum terhadap segala makhluk yang bertasbih dan seorang ketua yang dihormati bagi sekalian makhluk yang beribadah.

Ya, wahai manusia! Dalam hal keadaan fizikal yang rapuh dan nafsu kehaiwananmu, anda hanyalah merupakan sebutir zarah yang halus dan hina, suatu makhluk yang penuh dengan keperluan, seekor haiwan yang lemah, yang terumbang-ambing dalam gelombang dahsyat kewujudan segala makhluk, dan sedang menuju kehancuran. Namun dengan kesempurnaan cahaya iman, yang mengandungi cinta Ilahi, dan melalui pentarbiyahan Islam, yang merupakan suatu cahaya kemanusiaan dan penghambaan manusia kepada Tuhan, anda adalah seorang raja. Selain itu, sebagai manusia,

meskipun dalam kedudukan yang terbatas, anda merupakan makhluk yang mempunyai keupayaan yang komprehensif dan dalam kekerdilan, anda adalah seumpama sebuah alam, dan dalam kehinaan, anda adalah seorang penyelia yang mempunyai kedudukan yang tinggi dalam lingkaran yang luas sehingga anda dapat mengatakan: "*Tuhanku Yang Maha Penyayang telah menjadikan dunia ini sebagai tempat tinggal bagiku, matahari dan bulan sebagai lampunya, musim bunga sebagai sejambak bunga bagiku, musim panas sebagai meja yang dipenuhi segala nikmat, menjadikan sekalian haiwan sebagai pembantu bagiku dan tumbuh-tumbuhan sebagai perhiasan rumahku*".

Kesimpulannya:

Jika anda mendengar akan bisikan syaitan dan hawa nafsu, maka anda akan jatuh ke tahap *asfala safilin* (peringkat yang paling rendah). Namun, jika anda mendengar akan apa yang hak dan petunjuk daripada al-Quran, maka anda akan naik ke maqam *a'la illiyyin* (maqam yang paling tinggi) dan mencapai darjat *ahsani taqwim* (sebaik-baik kejadian) di alam semesta ini.

Noktah Kelima

Manusia telah diutuskan ke dunia ini sebagai seorang pegawai dan tetamu serta dianugerahkan kemampuan yang sangat penting. Dia juga telah diamanahkan dengan tugas-tugas yang signifikan bersesuaian dengan segala kemampuannya itu. Untuk memastikan manusia bekerja menuju tujuan dan menjalankan tugas-tugas tersebut, dorongan yang kuat dan ancaman yang keras telah diberikan. Di sini, kami akan meringkaskan asas-asas tugas kemanusian dan pengabdian

(ubudiyyah), yang mana telah kami jelaskan di bahagian lain, agar rahsia *ahsani taqwim* (sebaik-baik kejadian) dapat difahami.

Apabila manusia datang ke alam semesta ini, dia memiliki dua aspek ubudiyyah dalam menjadi seorang hamba Allah. Aspek pertama adalah ubudiyyah dan tafakur dalam keadaan tidak melihat-Nya. Manakala aspek kedua pula adalah ibadah dan doa yang dilakukan dengan kehadiran-Nya, dalam bentuk munajat dan berinteraksi secara langsung dengan-Nya.

Aspek Pertama:

Mengakui dengan penuh ketaatan akan kekuasaan *rububiyah-Nya* yang nyata di alam semesta dan mengamati kesempurnaan dan keindahannya dengan penuh kekaguman.

Kemudian, memperkenalkan dan memperlihatkan keindahan ciptaan Allah, yang merupakan ukiran dari *nama-nama-Nya* yang suci, kepada pandangan orang lain.

Seterusnya, menimbang permata yang tersembunyi dalam *Asma Rabbani* (nama-nama Tuhan Rabbani) dengan neraca akalnya, serta menghargai nilainya dengan sepenuh hati.

Kemudian, dia mengkaji dan merenungkan halaman-halaman sekalian makhluk serta lembaran-lembaran bumi dan langit, yang merupakan seumpama tulisan kekuasaan Ilahi yang penuh makna.

Selanjutnya, melalui perasaan kagum terhadap perhiasan dan kehalusan seni yang terdapat pada sekalian makhluk, akan timbul rasa cinta untuk mengenal Pencipta mereka Yang Maha Indah, serta kerinduan untuk hadir di hadapan Pencipta Yang Maha Sempurna dan memperoleh nikmat-Nya.

Aspek Kedua:

Ini adalah maqam kehadiran dan seruan di mana manusia berpindah daripada melihat ciptaan-Nya kepada mengenali Penciptanya, dengan dia melihat bahawa Pencipta Yang Maha Agung ingin memperkenalkan diri-Nya melalui keajaiban seni ciptaan-Nya, lalu dia menyahutnya dengan berusaha mengenali-Nya (*makrifatullah*) dan beriman kepada- Nya.

Kemudian, dia melihat bahawa Tuhannya Yang Maha Penyayang ingin membuatkan diri-Nya dicintai melalui segala hasil yang indah daripada rahmat-Nya. Maka, manusia membalasnya dengan mengkhususkan cinta dan pengabdiannya hanya kepada-Nya.

Seterusnya, dia melihat bahawa Pemberi Nikmat Yang Maha Pemurah memelihara dirinya dengan segala nikmat yang lazat, baik yang bersifat *duniawi* (material) mahupun rohani (*maknawi*). Sebagai balasan, dia memanjatkan kesyukuran dan pujian dengan perbuatan, keadaan, perkataan, bahkan juga dengan seluruh pancaindera dan fakultinya.

Selanjutnya, dia melihat bahawa Tuhan Yang Maha Indah lagi Maha Agung memperlihatkan kebesaran, kesempurnaan, keagungan dan keindahan-Nya melalui cerminan segala makhluk ciptaan-Nya, yang menarik perhatian setiap pandangan. Sebagai balasan, dia mengucapkan: "*Allahu Akbar, Subhanallah*", dan dia bersujud dengan penuh kerendahan hati, kekaguman serta kecintaan.

Kemudian, dia melihat bahawa Tuhan Pemilik Kekayaan Mutlak menzahirkan kekayaan dan khazanah-Nya dalam kemurahan-Nya yang yang tidak terhingga. Sebagai balasan,

manusia memohon dan meminta dengan penuh pengagungan dan pujian, sambil menyatakan segala kefakirannya yang amat sangat.

Berikutnya, dia melihat bahawa Pencipta Yang Maha Agung telah menjadikan muka bumi ini sebagai sebuah hamparan yang mempamerkan segala seni-Nya yang menakjubkan. Sebagai balasan, manusia menyatakan dengan penghargaan: "*Masya-Allah*"[6], dengan kekaguman: "*Barakallah*"[7], dengan kehairanan: "Subhanallah"[8] dan dengan penghormatan "*Allahu Akbar*"[9].

Seterusnya, dia melihat bahawa di dalam istana alam semesta ini, Dia Yang *Wahidul Ahad* (Dia Yang Maha Esa) telah meletakkan tanda-tanda keesaan-Nya pada semua makhluk dengan cap khas-Nya yang tidak dapat ditiru, serta dengan meterai, kod rahsia dan tanda yang khusus kepada-Nya. Tuhan juga telah menanam panji keesaan-Nya di seluruh pelosok dunia ini, lalu mengisytiharkan kedaulatan *rububiyah-Nya.* Sebagai balasan, manusia membalas semuanya ini dengan pengakuan, keimanan, penyerahan, penyaksian, penghambaan (*ubudiyyah*) serta mengesahkan keesaan-Nya.

Maka, melalui ibadah dan tafakur seperti ini, seseorang itu akan menjadi seorang insan yang hakiki dan menunjukkan bahawa dirinya diciptakan dalam *ahsani taqwim* (sebaik-baik kejadian). Dengan keberkatan keimanan inilah, dia menjadi

6. Alangkah hebatnya keajaiban yang Allah kehendaki.
7. Semoga Allah memberkati.
8. Maha Suci Allah.
9. Allah Maha Besar.

khalifah yang dipercayai di muka bumi dan layak menerima amanah-Nya.

Wahai manusia yang lalai, yang diciptakan dalam *ahsani taqwim* (sebaik-baik kejadian), jika anda membuat pilihan yang salah, anda akan menjatuhkan diri anda ke peringkat *asfala safilin* (peringkat yang paling rendah)! Dengarlah apa yang akan aku katakan ini! Aku juga, seperti anda, menyangka dunia ini indah dan mempesona ketika berada dalam kelalaian dan kemabukan zaman muda. Namun, ketika aku tersedar pada pagi hari usia tuaku, aku melihat betapa hodohnya wajah dunia yang tidak diarahkan kepada akhirat, yang sebelumnya aku bayangkan sentiasa indah. Untuk melihat betapa indahnya wajah sebenar dunia, yang diarahkan ke akhirat, anda boleh merujuk kepada dua 'Lembaran' pada Bahagian Kedua daripada Kalimat Ketujuh Belas, dan anda akan dapati bahawa ia adalah seperti berikut:

Lembaran Pertama:

Ia menggambarkan realiti dunia orang-orang yang lalai, yang dahulu pernah aku lihat melalui hijab kelalaian, serupa dengan dunia orang-orang sesat, tetapi tanpa mencapai tahap kemabukan seperti mereka.

Lembaran Kedua:

Ia menggambarkan realiti dunia orang-orang yang mendapat petunjuk dan ketenangan. Aku membiarkannya dalam bentuknya sebagaimana ia ditulis pada masa dahulu. Ia menyerupai syair, tetapi ia bukanlah syair yang sebenar-benarnya.

سُبْحَانَكَ لَا عِلْمَ لَنَا إِلَّا مَا عَلَّمْتَنَا ۖ إِنَّكَ أَنْتَ الْعَلِيمُ الْحَكِيمُ

Maha Suci Engkau, tidak ada yang kami ketahui selain dari apa yang telah Engkau ajarkan kepada kami; sesungguhnya Engkaulah Yang Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana.

(Surah al-Baqarah:32)

قَالَ رَبِّ اشْرَحْ لِي صَدْرِي ۞ وَيَسِّرْ لِي أَمْرِي
وَاحْلُلْ عُقْدَةً مِنْ لِسَانِي ۞ يَفْقَهُوا قَوْلِي

Wahai Tuhanku, lapangkanlah dadaku, dan mudahkanlah urusanku, dan lepaskanlah simpulan daripada lidahku, supaya mereka mengerti perkataanku. (Surah Taha: 25-28)

اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلَى الذَّاتِ الْمُحَمَّدِيَّةِ اللَّطِيفَةِ اْلاَحَدِيَّةِ شَمْسِ سَمَآءِ اْلاَسْرَارِ وَمَظْهَرِ اْلاَنْوَارِ وَمَرْكَزِ مَدَارِ الْجَلاَلِ وَقُطْبِ فَلَكِ الْجَمَالِ - اَللّٰهُمَّ بِسِرِّهِ لَدَيْكَ وَبِسَيْرِهِ اِلَيْكَ اٰمِنْ خَوْفِى وَاَقِلْ عُثْرَتِى وَاذْهِبْ حُزْنِى وَحِرْصِى وَكُنْ لِى وَخُذْنِى اِلَيْكَ مِنِّى وَارْزُقْنِى الْفَنَآءَ عَنِّى وَلاَتَجْعَلْنِى مَفْتُوناً بِنَفْسِى مَحْجُوباً بِحِسِّى وَاكْشِفْ لِى عَنْ كُلِّ سِرٍّ مَكْتُومٍ يَاحَىُّ يَاقَيُّومُ يَاحَىُّ يَاقَيُّومُ يَاحَىُّ يَاقَيُّومُ وَارْحَمْنِى وَارْحَمْ رُفَقَآئِى وَارْحَمْ اَهْلَ اْلاِيمَانِ وَالْقُرْاٰنِ اٰمِينَ يَآ اَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ وَيَآ اَكْرَمَ اْلاَكْرَمِينَ

Ya Allah! Limpahkanlah selawat dan salam ke atas zat Nabi Muhammad yang halus dan tunggal, seumpama cahaya matahari bagi segala rahsia dan manifestasinya, pusat bagi segala orbit keagungan, serta kutub bagi segala lingkaran keindahan.

Ya Allah! Dengan rahsianya di sisi-Mu, dan dengan perjalanannya kepada-Mu, amankanlah ketakutanku, hapuskanlah kesilapanku, hilangkanlah kesedihan dan

ketamakanku, dan jadilah Engkau bersamaku. Bimbinglah aku untuk mendekatimu, dan kurniakanlah kepadaku kefanaan daripada diriku. Janganlah Engkau jadikan diriku terpesona dengan nafsuku dan terhijab oleh pancainderaku. Singkapkanlah kepadaku segala rahsia yang tersembunyi. Wahai al-Hayyu al-Qayyum (Yang Maha Hidup dan Maha Berdiri Sendiri)! Wahai al-Hayyu al-Qayyum (Yang Maha Hidup dan Maha Berdiri Sendiri)! Wahai al-Hayyu al-Qayyum (Yang Maha Hidup dan Maha Berdiri Sendiri)!

Kasihanilah aku, kasihanilah para sahabatku, kasihanilah orang-orang yang beriman dan juga para ahli al-Quran. Perkenankanlah, wahai Tuhan Yang Maha Penyayang daripada segala yang penyayang, dan Yang Maha Pemurah daripada segala yang pemurah.

وَاٰخِرُ دَعْوٰيهُمْ اَنِ الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ

SURAT KEDUA PULUH

بِاسْمِهِ سُبْحَانَهُ

Dengan nama Allah SWT

وَإِن مِّن شَيْءٍ إِلَّا يُسَبِّحُ بِحَمْدِهِ

Maksudnya: "*Dan segala sesuatu, semuanya memuji Tuhan dengan kemuliaan-Nya.*" (al-Isra': 44)

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيمِ

لا إلهَ إلَّا اللهُ وَحدَه لا شَريكَ له، له المُلكُ، وله الحَمدُ، يُحيي ويُميتُ، وهو حَيٌّ لا يَموتُ، بيَدِه الخَيرُ، وهو على كُلِّ شَيءٍ قَديرٌ وَإِلَيْهِ الْمَصِيرُ

[Sesungguhnya ayat yang menyimpulkan hakikat tauhid ini mengandungi 11 perkataan. Apabila ia dibaca selepas solat Maghrib dan Subuh, banyak fadilat dan kelebihan yang akan diperoleh, sehingga ada disebutkan dalam salah satu riwayat yang sahih, ia sampai ke tahap *al-Ism al-A'zam* (Nama Yang Maha Agung). Jadi, tidak syak lagi bahawa setiap perkataannya akan menitiskan satu harapan, satu penawar dan kegembiraan yang membahagiakan. Ia juga akan membawa ke tahap pengesaan Allah yang paling tinggi. Dan dari sudut *al-Ism al-A'zam* juga, ia akan menjelaskan keagungan *wahdaniyyah* (keesaan) dan kesempurnaan tauhid.

Hakikat yang luas lagi tinggi ini sudah diterangkan dengan jelas dalam kitab "al-Kalimat". Jadi, sesiapa yang ingin mengetahui hakikat yang sudah dijelaskan itu bolehlah merujuk kitab al-Kalimat tersebut, tetapi di sini, memadailah dengan menggariskan indeksnya sahaja berupa intisari yang cukup ringkas, terdiri daripada satu mukadimah dan Maqam Pertama].

MUKADIMAH

Yakinilah! Bahawa sesungguhnya tujuan ciptaan yang paling murni dan kesudahan fitrah manusia yang paling tinggi adalah keimanan kepada Allah (*al Imanu-billah*).

Ketahuilah tahap kemanusiaan yang paling tinggi dan kedudukan manusia sejagat yang paling baik adalah mengenal Allah (*ma'rifatullah*) yang terdapat dalam keimanan tersebut.

Ketahuilah bahawa kebahagiaan manusia dan jin serta nikmat yang indah adalah kasih sayang Allah (*mahabbatullah*) yang terhasil daripada mengenal Allah tadi.

Ketahuilah kebahagiaan yang paling suci bagi roh manusia dan kebahagiaan yang paling murni bagi hatinya adalah kelazatan roh (*al-lazzatu al-ruhiyyah*) yang diperoleh daripada kasih sayang itu.

Ya, sesungguhnya semua jenis kebahagiaan yang sejati, kegembiraan yang murni dan nikmat yang tiada nikmat lain sesudahnya serta kelazatan yang tidak dapat ditandingi hanya terdapat dalam mengenal Allah (*ma'rifatullah*) dan dalam kasih sayang Allah (*mahabbatullah*). Tidak ada kebahagiaan, tidak ada kegembiraan dan tidak ada kenikmatan yang sejati

tanpa kedua-dua perkara tersebut.

Sesiapa sahaja yang benar-benar mengenal Allah SWT dan hatinya penuh dengan cahaya kasih sayang-Nya akan mendapat kebahagiaan yang tidak bertepi. Dia akan mendapat nikmat yang tidak terbatas. Dia juga akan mendapat cahaya dan rahsia yang tidak akan habis. Dia akan mendapatnya, sama ada melalui amalan dan kenyataan, atau melalui kesediaan dan kesanggupan. Manakala orang yang tidak mengenal Allah; Penciptanya yang sebenar-benarnya, yang tidak mempunyai sesuatu yang melayakkan dirinya dikasihi dan disayangi akan ditimpa kesengsaraan material dan kesengsaraan maknawi secara berterusan. Dia akan terus dihantui keperitan dan kepalsuan yang tidak bertepi.

Ya, sesungguhnya inilah manusia malang yang mengaduh kesakitan kerana kehilangan Tuan dan Penjaganya. Dia berkeluh-kesah kerana kehidupannya yang tidak bererti dan tidak berpenghujung. Dia lemah dan tidak berdaya di celah-celah kumpulan manusia yang bernasib malang. Tidak ada sesiapa yang boleh menyelamatkannya daripada apa yang dialaminya, walaupun sultan dunia seluruhnya.

Alangkah dashyat dan malang yang akan menimpa manusia yang berkeluh-kesah ini dalam meneruskan hidupnya yang akan musnah, di celah-celah kehidupan manusia yang tinggal bersendirian dan dalam keadaan sedih ini, seandainya dia tidak dapat mencari Tuannya yang hakiki dan mengenali Pencipta dan Tuhannya dengan sebenar-benarnya! Akan tetapi, sekiranya dia dapat mencari Tuhannya dan dapat mengenal Tuan dan Penciptanya, sudah tentu dia akan berlindung di bawah naungan nikmat Allah yang maha luas, dan bergantung

pada ketinggian kudrat-Nya yang mutlak itu. Seterusnya, dunia yang buas ini akan bertukar menjadi sebuah taman yang menyeronokkan dan sebuah pusat perniagaan yang menguntungkan.

MAQAM PERTAMA

Setiap perkataan yang terdapat dalam kata-kata tauhid yang menarik ini mengumumkan satu berita gembira dan menghamburkan satu harapan yang indah. Dalam setiap berita gembira ini ada penawar dan penyembuhnya. Dan dalam setiap penawar ini ada kelazatan maknawi dan kelapangan jiwa.

Perkataan Pertama: لا إلــهَ إلَّا اللهُ (Tiada Tuhan melainkan Allah)

Perkataan ini menitiskan kegembiraan yang besar dan harapan yang menggembirakan seperti berikut:

Sesungguhnya jiwa manusia yang tamak dan rakus ini mempunyai kehendak yang tidak terbatas. Jiwa manusia ini juga turut diingini oleh pihak musuh yang tidak terkira banyaknya. Jiwa yang diuji di antara keinginan yang tidak terbatas dan pihak musuh yang tidak terhingga banyaknya ini, mendapat satu sumber rujukan yang luas daripada perkataan ini, yang membuatkan pintu-pintu khazanah rahmat yang luas itu terbentang di hadapannya. Dari pintu itu, akan ada sesuatu yang dapat mententeramkan semua keinginan dan menjamin semua kehendak jiwa manusia tadi. Dia juga akan mendapat satu tempat berpaut yang kuat dan satu tempat bernaung yang baik, yang akan melindunginya daripada semua kejahatan

dan yang akan menjauhkannya daripada semua malapetaka. Hal ini semua adalah kerana kekuatan Allah SWT yang dilihat oleh manusia itu, yang memacunya kepada Tuannya Yang Maha Berkuasa dan yang menunjukkannya kepada Pencipta dan hamba-hamba-Nya. Dengan pandangan yang luas dan pengetahuan terhadap Allah Yang Maha Esa, perkataan ini dapat menyelamatkan hati manusia daripada kegelapan dan ketakutan yang menggerunkan itu. Ia juga dapat menyelamatkan jiwa manusia daripada derita kesedihan dan kedukaan, bahkan ia menjaminkan kegembiraan dan kebahagiaan yang berkekalan.

Perkataan Kedua: وَحدَه (Maha Esa)

Perkataan ini memancarkan harapan dan membawa berita gembira seperti berikut:

Sesungguhnya jiwa manusia dan hatinya yang penuh dengan tekanan, bahkan yang tenggelam sehingga terasa sesak, dibebani pula dengan pelbagai hubungan dan ikatan kuat dengan makhluk lain. Namun, jiwa itu akan menemui tempat perlindungan yang aman melalui kalimah ini, yang mampu menyelamatkan jiwa dan hati manusia dari segala bencana dan tekanan tersebut. Hal ini demikian kerana kalimah ini membawa makna:

Sesungguhnya Allah itu Maha Esa. Janganlah memenatkan dirimu dengan memohon kepada selain-Nya. Janganlah merendahkan diri dan berasa terhutang budi kepada mereka. Janganlah kamu tunduk dan patuh kepada mereka secara melulu. Janganlah kamu menyusahkan diri kamu dan terkejar-kejar di belakang mereka. Janganlah kamu takut dan gentar di

hadapan mereka. Hal ini kerana Sultan dunia ini hanya satu. Dia memiliki kunci semua perkara. Dengan tangan-Nya, Dia mengendalikan semua perkara. Semua ikatan dan belenggu terurai dengan perintah-Nya. Semua kesusahan akan berakhir dengan izin-Nya. Sekiranya kamu menemui-Nya, sudah tentu kamu akan memiliki segala-galanya. Kamu akan mendapat apa yang kamu hajati. Kamu juga akan terselamat daripada beban penderitaan dan kesakitan, juga terselamat daripada belenggu ketakutan dan kepalsuan.

Perkataan Ketiga: لا شَـريكَ لـه (Tidak ada sekutu bagi-Nya)

Yakni: Allah SWT tidak mempunyai tandingan dan sekutu dalam ketuhanan-Nya kerana Allah itu Maha Esa. Sifat ketuhanan-Nya, tindakan dan kemampuan-Nya untuk mengadakan semua benda juga adalah suci daripada syirik. Ia bertentangan dengan sultan-sultan lain di dunia ini kerana apa yang berlaku ialah ketuanan sultan itu tidak dikongsi dengan orang lain, tetapi tindakannya tidak begitu. Para pegawai dan pembantunya dianggap rakan kongsinya yang akan memudahkan urusan dan yang akan melaksanakan rancangan-rancangannya. Mereka boleh mengubah rancangan-rancangan tersebut tanpa perlu mengadapnya. Mereka juga boleh meminta supaya rancangan-rancangan itu dirujukkan kepada mereka terlebih dahulu. Akan tetapi, Allah SWT merupakan Sultan sejak azali lagi hinggalah selama-lamanya. Dia hanya satu dan tidak ada sekutu bagi-Nya dalam kesultanan-Nya. Dia tidak memerlukan rakan kongsi dan para pembantu untuk melaksanakan segala urusan ketuhanan-Nya. Hal ini kerana tidak ada satu benda pun yang boleh memberi kesan kepada

benda lain melainkan dengan perintah, kuasa dan kekuatan-Nya. Semua benda boleh merujuk kepada Allah tanpa perantara, kerana Dia tidak mempunyai sekutu atau pembantu. Pada saat itu, Allah SWT tidak akan mengatakan: Kamu tidak boleh masuk mengadap ke hadrat Allah SWT kepada semua yang datang mengadap-Nya.

Beginilah intipatinya, perkataan ini membawa satu harapan dan berita gembira yang membahagiakan. Lalu ia berkata: Manusia yang rohnya disinari cahaya keimanan boleh mengemukakan semua hajat dan keinginannya tanpa sekatan dan hijab tabir di hadapan Allah SWT; Tuhan Yang Maha Indah yang memiliki ketinggian dan Yang Maha Berkuasa yang memiliki kesempurnaan. Manusia boleh memohon sesuatu untuk memenuhi keinginannya, tidak kira siapa dia dan di mana dia berada. Dia boleh mengemukakan semua kehendak dan keinginannya di hadapan Allah Yang Maha Pemurah itu, yang mempunyai khazanah rahmat yang luas, dengan bergantung pada kekuatan-Nya yang mutlak. Pada ketika itu, dia akan diselubungi kegembiraan dan kebahagiaan yang sempurna.

Perkataan Keempat: لــه المُلــكُ (Semua milik adalah hak-Nya)

Yakni: Kekuasaan dan pemilikan ini seluruhnya adalah kepunyaan Allah SWT, tanpa dikecualikan dan kamu juga adalah milik-Nya. Kamu juga adalah hamba-Nya dan kepunyaan-Nya. Kamu hanyalah merupakan satu unsur atau satu benda yang menjadi milik-Nya.

Perkataan ini menghembuskan satu harapan dan menitiskan satu berita gembira yang membawa penawar. Ia berkata:

Wahai manusia! Janganlah kamu sangka kamu pemilik dirimu.Tidak, kerana sesungguhnya kamu tidak mampu menguruskan urusan dirimu sendiri. Ia merupakan satu beban dan satu tanggungan yang berat. Tidak mungkin kamu boleh menjaganya, seterusnya menjauhkan dia daripada bencana dan malapetaka dan menyediakan keperluan-keperluan hidupmu kepadanya. Jadi, janganlah kamu menjatuhkannya ke dalam lembah ketakutan dan keluh-kesah yang tidak berpenghujung. Harta itu bukan kepunyaanmu, bahkan ia adalah kepunyaan orang lain, iaitu Raja Yang Maha Berkuasa dan Yang Maha Mengasihani. Maka bergantunglah kamu pada kekuasaan-Nya. Janganlah kamu memandang serong pada rahmat-Nya. Buang yang keruh dan ambillah yang jernih. Tinggalkan kesusahan dan kesakitan. Tariklah nafasmu panjang-panjang dan ambillah kebahagiaan dan kegembiraan ini.

Ia juga berkata:

Sesungguhnya, alam semesta ini, yang kamu cintai, yang kamu ambil berat, yang kamu sedih dengan keadaannya yang kacau-bilau, dan yang kamu tidak mampu untuk memperbaikinya, adalah milik Tuhan Yang Maha Kuasa dan Maha Penyayang. Oleh itu, serahkanlah kembali kepada tuannya dan tinggalkanlah ia. Biarlah Dia menguruskannya dan berbahagialah kamu dengan kegembiraan dan kebahagiaan, tanpa diganggu dan dibebani oleh kesusahan dan penderitaan. Allah itu Maha Bijaksana dan Maha Mengasihani. Dia menguruskan harta kepunyaan-Nya mengikut kehendak-Nya dan berdasarkan kebijaksanaan dan rahmat-Nya.

Apabila kamu didatangi rasa takut dan cemas, jenguklah dari jendela itu, tetapi janganlah kamu mencerobohinya. Bisikkanlah seperti yang dibisikkan oleh penyair Ibrahim Haqqi:

لنر المولى ماذا يفعل فما يفعل هو الأجمل

Maksudnya: "*Marilah kita melihat apa yang dilakukan oleh Tuhan, kerana apa yang dibuat oleh-Nya lebih indah*".

Perkataa Kelima: ولــه الحَمـد (Segala puji-pujian hanya untuk-Nya)

Yakni, segala puji-pujian hanyalah untuk-Nya. Hanya Dia yang berhak menerimanya kerana seluruh nikmat dan pemberian ini datang daripada-Nya. Ia melimpah daripada khazanah-Nya yang luas itu, iaitu khazanah yang berterusan dan tidak akan habis.

Oleh yang demikian, perkataan ini membawa satu berita gembira yang menyenangkan. Katanya:

Wahai manusia! Janganlah kamu ukur penderitaan itu dengan kehabisan nikmat kerana khazanah rahmat tidak berpenghujung. Janganlah kamu menjerit kerana kelazatan yang hilang kerana nikmat itu hanyalah merupakan sebutir rahmat yang amat luas dan tidak akan berakhir. Buah-buahan akan silih berganti selagi pokoknya teguh berdiri.

Ketahuilah wahai manusia bahawa sesungguhnya kamu boleh menjadikan kelazatan nikmat itu seratus kali ganda lebih baik dan lebih besar. Perkara tersebut boleh berlaku dengan cara melihat kehadiran rahmat itu kepadamu dan sifat

pemurah-Nya, iaitu dengan bersyukur dan memuji Allah SWT. Hal ini kerana sebagaimana seorang raja besar dan sultan yang berkedudukan tinggi mengutuskan hadiah kepadamu – katakan sebiji epal misalnya – sudah tentu hadiah itu memberikan kelazatan yang mengatasi kelazatan epal itu sendiri berlipat kali ganda banyaknya. Kelazatan itu ialah kelazatan yang timbul hasil daripada perhatian yang diberikan oleh raja dan sultan itu yang meliputi perhatian istimewa (takhsis) dan kemurahan hati (ihsan). Begitu juga dengan perkataan "لَـهُ الْحَمْـدُ" (Bagi-Nya segala puji), iaitu dengan memuji dan bersyukur, dengan merasakan nikmat pemberian-Nya, mengenali Pemberi Nikmat dan merenungkan pemberian-Nya, merenungkan rahmat dan kasih sayang-Nya serta kelangsungan nikmat-Nya; ia akan membuka pintu kenikmatan rohani yang seribu kali lebih lazat daripada nikmat duniawi tersebut.

Perkataan Keenam: يُحيي (Dia yang menghidupkan)

Yakni: Allahlah yang memberikan kehidupan. Dialah juga yang memberikan rezeki. Dialah yang menjamin semua keperluan dan kehendak manusia dan Dialah juga yang menyediakan barang-barang keperluan dan mata pencarian mereka. Tujuan kehidupan yang mulia itu kembali kepada-Nya dan hasil-hasil penting kehidupan ini juga ditujukan kepada-Nya. Sembilan puluh sembilan peratus hasil daripada buah kehidupan itu adalah milik-Nya.

Dan seterusnya perkataan ini menyeru manusia yang lemah dan fana, memberikan kegembiraan dan menghembuskan roh harapan ke dalam dirinya. Ia berkata:

Wahai manusia! Janganlah kamu memenatkan diri dengan

memikul beban kehidupan yang susah itu di atas bahumu yang lemah.

Janganlah kamu merintih dan menangisi hidup yang akan musnah dan yang akan berakhir ini. Janganlah kamu berasa bosan dan kesal atas kehadiran kamu di dunia ini sekiranya kamu melihat nikmatnya hilang dan hasilnya tidak seberapa. Ketahuilah bahawa sesungguhnya kehidupan yang sementara ini akan kembali kepada-Nya, iaitu Allah Yang Maha Hidup lagi Maha Kekal. Dialah yang menjamin semua keperluan dan kehendak hidupmu. Hidup ini hanya akan kembali kepada-Nya, dengan matlamat dan hasil yang banyak. Engkau hanyalah seorang jurumudi biasa di kapal kehidupan itu. Lakukanlah tugasmu dengan sebaik-baiknya, terimalah upahmu, dan nikmatilah kehidupanmu. Renungkanlah betapa berharganya kapal kehidupan itu, dan betapa indahnya manfaat yang diberikannya, dan betapa Pemilik kapal itu Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Bergembiralah dan bersyukurlah. Ketahuilah bahawa apabila engkau melaksanakan tugasmu dengan betul, semua hasil daripada tugasmu dalam kapal itu akan dicatatkan dalam buku amalanmu, menjamin kehidupan abadi bagimu, dan akan menghidupkanmu dengan kehidupan yang kekal abadi.

Perkataan Ketujuh: وَيُمِيتُ (Dia yang mematikan)

Yakni: Allah SWT lah yang menganugerahkan kematian, iaitu Dialah yang akan membebaskan kamu daripada tugas kehidupan dan menggantikan tempatmu di dunia yang fana ini. Dia akan menyelamatkanmu daripada bebanan tugas dan Dia akan membebaskan kamu daripada tanggungjawab.

Maksudnya, Dia akan memindahkan kamu dari dunia yang fana ini kepada dunia yang kekal abadi.

Begitulah perkataan ini dilaungkan ke telinga jin dan manusia. Ia berbunyi:

Ada berita gembira untuk kamu semua. Kematian bukanlah satu pembasmian atau satu kemusnahan. Ia bukan sia-sia. Ia bukan untuk menghapuskan. Ia juga bukanlah satu perpisahan yang kekal selamanya. Bukan! Kematian bukan satu pembasmian, bukan satu kebetulan, bukan juga satu pemusnahan yang berlaku secara spontan, iaitu yang berlaku tanpa pelaku, bahkan ia merupakan satu kerehatan yang diberikan oleh Allah SWT, Yang Maha Mencipta, Yang Maha Bijaksana lagi Maha Mengasihani. Ia merupakan satu penggantian tempat, perubahan taraf atau kedudukan, yang akan membawa kepada kebahagiaan yang berkekalan yang merupakan tempat asal, iaitu pintu yang akan menghubungkan kamu dengan alam barzakh alam yang akan menghimpunkan 99% para kekasihmu.

Perkataan kelapan: وهو حَيٌّ لا يَموتُ (Dialah yang hidup dan tidak akan mati)

Yakni: Dialah Tuhan yang memiliki keindahan, kesempurnaan, dan ihsan yang jauh melampaui keindahan, kesempurnaan, dan ihsan yang terlihat dalam semua ciptaan alam semesta dan yang menjadi sebab timbulnya cinta. Dia adalah satu-satunya Tuhan Yang Maha Esa, yang satu gambaran keindahan-Nya sudah cukup untuk menggantikan semua yang dicintai. Dia memiliki kehidupan yang kekal abadi, yang bebas dari segala perubahan dan kerosakan, serta

suci daripada segala kekurangan dan kecacatan.

Maka, perkataan ini mengumumkan kepada jin, manusia, dan semua makhluk yang mempunyai kesedaran, serta kepada mereka yang memiliki cinta dan kasih sayang:

"*Bergembiralah! Sesungguhnya kamu mempunyai Kekasih Abadi yang akan menyembuhkan luka perpisahan yang tak terhingga dari kekasih-kekasihmu dan menyapu balsam penyembuh. Selagi Dia ada dan kekal, janganlah kamu risau tentang para kekasihmu itu. Mungkin keindahan, kemurahan, kelebihan, dan kesempurnaan yang menjadi sebab cintamu kepada para kekasihmu itu hanyalah bayangan samar daripada gambaran keindahan bagi Kekasih Abadi yang telah melalui banyak tirai. Janganlah kamu bersedih dengan kehilangan mereka, kerana mereka hanyalah seperti cermin. Perubahan dan penggantian cermin akan memperbaharui dan memperindahkan lagi pantulan keindahan yang mempesonakan. Selagi Allah SWT wujud, selagi itulah semua benda wujud.*"

Perkataan Kesembilan: بِيَـدِهِ الْخَيـرُ (Semua kebaikan ada di tangan-Nya)

Yakni: Sesungguhnya semua kebaikan ada di tangan-Nya. Semua amal kebajikan akan dicatat dalam buku catatan-Nya dan semua amal soleh yang kamu lakukan ada dalam pengetahuan-Nya. Perkataan ini menyeru jin dan manusia. Ia membawa berita gembira. Ia juga memberikan harapan dan kerinduan kepada mereka. Ia berbunyi:

"*Wahai manusia! Apabila kamu meninggal dunia dan*

dibawa ke kubur, janganlah kamu menjerit: Alangkah sedihnya! Alangkah ruginya! Harta kekayaan kita hilang begitu sahaja, usaha kita selama ini hanya sia-sia, kita akan masuk ke kubur yang sempit setelah sekian lama kita hidup di dunia yang begitu luas ini!'' Janganlah kamu semua menjerit kesedihan dan janganlah kamu berputus asa, kerana semua perkara yang kamu ada, disimpan rapi di sisi Allah SWT. Semua pekerjaan, amalan dan usaha yang kamu lakukan dicatatkan. Tidak ada satu perkara pun yang akan hilang dan tidak ada suatu usaha pun yang akan dilupakan kerana Allah SWT akan memberi balasan pahala kepada kamu semua. Dia akan memanggil kamu semua mengadap-Nya selepas kamu dimasukkan ke kubur, iaitu tempat persinggahanmu.

Jadi, alangkah bahagianya kamu semua. Kamu telah menyempurnakan khidmat baktimu. Kamu telah melaksanakan tugas-tugasmu. Kesusahanmu telah berakhir, kamu akan menuju kepada ketenangan dan rahmat. Khidmatmu dan kesukarannya telah berakhir; kamu akan menerima ganjarannya.

Ya! Sesungguhnya Tuhan Yang Maha Kuasa dan Maha Mulia itulah yang memelihara benih-benih dan biji-biji yang merupakan halaman-halaman buku amalan dan peti-peti khidmat musim bunga yang lalu, dan menyebarkannya pada musim bunga berikutnya dengan cara yang sangat indah, bahkan mungkin seratus kali lebih banyak daripada asalnya. Pastinya Dia juga akan memelihara hasil hidupmu dan akan memberi ganjaran yang sangat banyak atas khidmatmu.

Perkataan Kesepuluh: وهو على كُلِّ شَيءٍ قَديرٌ (Dialah yang

berkuasa terhadap semua perkara)

Yakni: Dialah Yang Maha Esa, Yang Tunggal, dan Maha Kuasa atas segala sesuatu. Dia tidak dihalangi oleh suatu apa pun. Dia tidak dibantu oleh sesiapa dan tidak ada satu perkara pun yang sukar dilakukan oleh-Nya. Dia mencipta satu musim bunga contohnya, dengan mudah dan senang seperti mencipta sekuntum bunga. Dia mencipta syurga dengan mudah dan senang seperti mencipta musim bunga itu. Pada setiap hari, setiap tahun dan setiap abad, ciptaan-ciptaan-Nya yang tak terhingga banyaknya, yang Dia ciptakan berulang-ulang dengan cara yang baru dan segar, menjadi saksi atas kekuasaan-Nya yang tak terbatas melalui lisan-lisan yang tak terhitung jumlahnya.

Perkataan ini juga memancarkan satu harapan dan satu berita gembira. Ia berkata:

Wahai manusia! Amalan yang kamu lakukan dan pengabdian yang kamu berikan tidak hilang begitu sahaja. Terdapat sebuah tempat pembalasan yang kekal abadi dan tempat kebahagiaan dan kegembiraan yang telah disediakan untuk kamu semua. Di hadapanmu terdapat Syurga abadi yang setia menunggu kehadiranmu, yang rindu kepadamu. Yakinlah pada janji Pencipta Yang Maha Tinggi, yang kepada-Nya kamu sujud dan beribadat, yang kamu percaya dan beriman kepada-Nya dan kamu rasa damai dan tenang di sisi-Nya. Maka mustahil Dia akan memungkiri janji yang dibuat-Nya sendiri kerana kekuasaan-Nya tidak dicemari dan dikotori oleh satu debu mahupun kekurangan. Perbuatan Allah terhindar daripada sifat lemah. Sebagaimana Dia mencipta sebuah taman yang kecil dan menghidupkannya untukmu, begitu juga Dia mampu

mencipta sebuah syurga yang amat luas, bahkan Dia benar-benar telah menciptanya dan menjanjikan syurga itu untukmu. Dan kerana Dia telah berjanji, maka Dia akan menunaikan janji-Nya dan akan membawa masuk kamu semua ke Syurga itu.

Hal ini kerana kita menyaksikan: Setiap tahun, Dia menghimpunkan dan menyebarkan lebih daripada tiga ratus ribu jenis haiwan dan tumbuh-tumbuhan di bumi dengan penuh keteraturan dan keseimbangan serta dengan kecepatan dan kemudahan yang sempurna. Maka, sudah tentulah Tuhan Yang Maha Kuasa itu berkuasa untuk memenuhi janji-Nya.

Tambahan pula, setiap tahun, Tuhan Yang Maha Kuasa ini mampu menciptakan pelbagai contoh kebangkitan dan syurga dalam ribuan bentuk. Juga, melalui semua kitab samawi-Nya, Dia menjanjikan kebahagiaan abadi dan memberi khabar gembira tentang Syurga. Selain itu, semua perbuatan dan tindakan-Nya adalah benar dan nyata, serta penuh dengan kejujuran dan kesungguhan. Juga, melalui kesaksian daripada kesemua hasil karya-Nya yang sempurna itu, ia menunjukkan kepada kesempurnaan-Nya yang tidak terbatas. Bahkan, semua ini merupakan dalil bahawa Allah SWT terhindar daripada semua kekurangan dan kecacatan dan oleh sebab mungkir janji, dusta dan sengaja melambat-lambatkan urusan merupakan sifat yang paling buruk, dan juga merupakan satu kekurangan dan kecacatan, maka, semestinya Allah SWT Yang Maha Berkuasa, Tuhan Yang Maha Bijaksana dan Maha Sempurna, Tuhan Yang Maha Penyayang lagi Maha Indah pasti akan menunaikan janji-Nya. Pintu-pintu kebahagiaan yang abadi itu akan dibuka. Dan kamu semua wahai orang-

orang yang beriman akan dimasukkan ke dalamnya, iaitu Syurga, tanah air bapamu; nabi Adam alaihissalam.

Perkataan Kesebelas: وَاِلَيْـهِ الْمَصِيـرُ (Kepada-Nya kita akan kembali)

Yakni: Manusia diutus ke dunia ini, iaitu suatu alam ujian, dengan tugas penting untuk berdagang dan melaksanakan tanggungjawab. Setelah menyelesaikan perdagangan dan tugas-tugas mereka serta menamatkan khidmat, mereka akan kembali kepada Pencipta Yang Maha Mulia, yang telah mengutus mereka dan bertemu dengan Tuhan Yang Maha Pemurah. Mereka akan meninggalkan dunia yang fana ini dan dimuliakan dengan hadir ke hadrat keagungan Allah SWT di alam yang kekal abadi. Mereka akan terlepas daripada kekalutan sebab-musabab dan tirai-tirai kegelapan yang menghalang, dan akan bertemu dengan Tuhan Yang Maha Penyayang tanpa sebarang hijab di tempat kerajaan-Nya yang abadi. Setiap individu akan menemui dan mengenali siapakah Pencipta, Tuhan yang disembahnya, Pemelihara, Pemimpin dan Pemiliknya yang sebenar.

Ayat ini memberikan berita gembira yang mengatasi segala berita gembira yang lain. Ia berkata:

Wahai manusia! Adakah kamu tahu ke mana kamu sedang pergi dan ke mana kamu dihantar?

Di akhir Kalimat Ketiga Puluh Dua, ada disebutkan:

Kehidupan dunia selama seribu tahun yang penuh kebahagiaan tidak dapat menyamai satu jam kehidupan di syurga, dan seribu tahun kehidupan syurga itu sendiri tidak

dapat menyamai satu jam melihat wajah Tuhan Yang Maha Indah lagi Maha Agung.

Maka, kamu wahai manusia, sedang menuju ke medan rahmat-Nya dan akan kembali ke pangkuan-Nya. Segala keindahan sementara yang kamu kagumi, cintai, dan sangat kamu rindui di dunia ini hanyalah bayang-bayang yang terserlah daripada kecantikan Allah SWT dan keindahan nama-nama-Nya yang agung itu. Seluruh syurga dengan segala kenikmatannya adalah pancaran rahmat-Nya, dan semua rasa rindu, cinta, dan tarikan yang ada hanyalah percikan yang kecil daripada kasih sayang Allah SWT. Kamu sedang menuju ke hadrat Tuhan dengan diundang ke syurga-Nya yang kekal abadi.

Oleh itu, janganlah kamu bersedih dan berdukacita apabila kamu masuk ke pintu kubur, tetapi masuklah dengan senyuman dan kegembiraan.

Ayat ini juga memberi berita gembira dengan berkata:

"*Wahai manusia! Janganlah menyangka bahawa kamu menuju kepada kehancuran, ketidakwujudan, kehampaan, kegelapan, kelupaan, pereputan, dan tenggelam dalam kerumitan. Kamu bukan sedang menuju kepada kehancuran, tetapi kepada kekekalan. Kamu bukan sedang menuju kepada ketiadaan, tetapi kepada kewujudan yang abadi. Kamu bukan sedang menuju kepada kegelapan, tetapi kepada alam yang penuh cahaya. Kamu sedang menuju kepada Pemilik dan Tuan yang sebenar, dan kembali kepada takhta pemerintahan Sultan Yang Maha Kekal. Kamu tidak akan tenggelam dalam kerumitan, tetapi akan beristirahat dan damai di daerah tauhid. Kamu bukan sedang menuju kepada perpisahan, tetapi*

kepada pertemuan".

اَللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبارِكْ عَلَيْهِ وَعَلٰى اٰلِهِ وَصَحْبِهِ بِعَدَدِ اَنْفَاسِ اَهْلِ الْجَنَّةِ فِى الْجَنَّةِ وَاحْشُرْنَا وَنَاشِرَ -هٰذَا الْمَكْتوُبِ- وَرُفَقَائَهُ وَصَاحِبَهُ سَعِيدًا وَوَالِدَيْنَا وَاِخْوَانَنَا وَاَخَوَاتِنَا تَحْتَ لِوَائِهِ وَارْزُقْنَا شَفَاعَتَهُ وَاَدْخِلْنَا الْجَنَّةَ مَعَ اٰلِهِ وَاَصْحَابِهِ بِرَحْمَتِكَ يَا اَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ اٰمِينَ

رَبَّنَا لَا تُؤَاخِذْنَا إِن نَّسِينَا أَوْ أَخْطَأْنَا

رَبَّنَا لَا تُزِغْ قُلُوبَنَا بَعْدَ إِذْ هَدَيْتَنَا وَهَبْ لَنَا مِن لَّدُنكَ رَحْمَةً ۚ إِنَّكَ أَنتَ الْوَهَّابُ

قَالَ رَبِّ اشْرَحْ لِي صَدْرِي ۞ وَيَسِّرْ لِي أَمْرِي ۞ وَاحْلُلْ عُقْدَةً مِّن لِّسَانِي ۞ يَفْقَهُوا قَوْلِي

رَبَّنَا تَقَبَّلْ مِنَّا ۖ إِنَّكَ أَنتَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ

وَتُبْ عَلَيْنَا ۖ إِنَّكَ أَنتَ التَّوَّابُ الرَّحِيمُ

سُبْحَانَكَ لَا عِلْمَ لَنَا إِلَّا مَا عَلَّمْتَنَا ۖ إِنَّكَ أَنتَ الْعَلِيمُ الْحَكِيمُ